

@info



Media Komunikasi Maktab Koperasi Malaysia

Bil. 2/2014 • ISSN 0127-1023 • **Latihan Inovatif Koperasi Progressif**



Majlis Ramah Mesra YB Menteri PDNKK bersama Warga Kerja & Pelajar MKM



Program KERJASAMA TEKNIKAL MALAYSIA (PKTMD)



International Seminar Cloud Computing

EKSKLUSIF

- 04 Majlis Taklimat Transformasi dan Ramah Mesra
- 06 Majlis Konvokesyen MKM ke-18
- 08 Konvokesyen ke-27 MKM-UUM
- 10 Hari Koperasi Negara 2014

PELAWAT

- 12 Delegasi Sri Lanka Mengadakan Lawatan Kerja ke MKM



13

Kunjungan Hormat Delegasi dari Republik Ethiopia

- 15 Lawatan Delegasi dari Kenya ke MKM

JARINGAN

- 16 Program Latihan Kerjasama MKM dan Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA)
- 18 International Training Programme cum Exposure Visits with Focus on Cooperative Credit & Banking di Vaikunth Mehta Institute (VAMNICOM), Pune, India
- 21 Majlis Menandatangani MoU Antara MKM-PUIM dan Technology Update: ICT Dalam Ekonomi Digital
- 22 Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCIP)
- 24 Program Induksi Pengurus PPK MADA Siri ke-2

FOKUS

- 26 International Seminar Cloud Computing: Transformation of Co-operative Businesses; Issues and Challenges



29

Seminar Wanita Penjana Ekonomi Koperasi: "Inovasi Pemacu Prestasi"

- 31 Konvensyen Transformasi Modal Insan Koperasi

PERSPEKTIF

- 33 Bengkel Penyelenggaraan Komputer Peribadi (PC)
- 34 Bengkel Perumahan Koperasi: Isu dan Cabaran
- 35 Kemuliaan Menjaga Warga Emas Tanggungjawab Kita
- 37 Wanita Pemacu Transformasi Koperasi
- 39 Google: Marketing for Business



48

Forum Profesional "Potensi Penglibatan Koperasi Dalam Perniagaan Sistem Francais"

- 51 Program GST Sepanjang Bulan Ogos Hingga Disember 2014

BERITA KAKITANGAN



52

Program Kumpulan Kepakaran Kesihatan di Korea Selatan

BERITA CAWANGAN

- 54 Koperasi Jalan ke Syurga
- 56 Potensi Koperasi dalam Perniagaan *Online*
- 58 Usahawan Penternakan
- 60 Kenapa Perlu GST dan Pelaksanaannya

KURSUS BIDANG KEBERHASILAN

- 61 Pengurusan Perniagaan Homestay oleh Koperasi
- 62 Kursus Pengurusan Perniagaan Pengeluaran Cendawan

INFORMASI

- 63 Kemudahan RFID di Perpustakaan MKM
- 64 *E-Book*

BULETIN PELAJAR

- 65 Karnival Usahawan Siswa 'Usahawan Muda Pemangkin Ekonomi Negara'
- 67 Majlis Penyampaian Anugerah Dekan
- 69 Minggu Orientasi Pelajar Diploma Pengurusan Koperasi (DPK) Sesi Jun 2014
- 71 Program Khidmat Masyarakat Ibadah Qurban
- 72 Young Entrepreneur Trip to Hanoi

LAMPIRAN

- 74 Jadual Program Latihan MKM Sepanjang Mei 2015

SIDANG REDAKSI

Dari Meja **KETUA EDITOR**

PENASIHAT

YBhg. Prof. Madya Dr. Abdul Rahman Abdul Razak Shaik
(Ketua Pengarah)

Pn. Norwatim Hj. Abd. Latiff
(Timbalan Ketua Pengarah - Akademik)

KETUA EDITOR

Pn. Hajah Julia Bee Ramjan
(Timbalan Ketua Pengarah - Pengurusan)

EDITOR

Pn. Afiza Abd Karim
(Unit Pentadbiran Akademik)

Pn. Noranita Mohd Nor
(Pusat Perakaunan dan Kewangan - ACTIF)

Pn. Rohalinda Ahad
(Pusat Pengurusan Perniagaan - COB)

Pn. Nor Aslamiah Ali
(Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi - ICT)

Pn. Sharifah Shuzaida Saedin
(Pusat Konsultasi Koperasi - KONSULTASI)

Cik Nur Shuhada Ali
(Pusat Tadbir Urus dan Perundangan Koperasi - CGL)

En. Khairul Akmal Saim
(Unit Perkhidmatan Perpustakaan - UPP)

Cik Siti Hajar Saaey
(Pusat Pendidikan Tinggi - iCoop)

Cik Zaharatul Laili Zakaria
(Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi - RNI)

Pn. Nuur Fadzillah Zulkepli
(Pusat Antarabangsa dan Komunikasi Korporat - INCC)

URUS SETIA

Pn. Sharepah Nur Azirah Shareh Abd Rahman

JURUFOTO

En. Muhammad Azri Kamis
En. Mohd Norhisyam Md Daud

PENCETAK

Arif Corporation Sdn Bhd
No. 42, Jalan Pengasah 15/13
Seksyen 15
40200 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan
Tel : 019-262 2441
Emel : tommy@arifcorp.com.my

Assalamualaikum dan salam sejahtera.

Khas buat semua pembaca majalah INFO MKM...

Jejak perjuangan penuh dihitung hari kian hari. Masa sememangnya tidak boleh diundurkan. Namun setapak perlu kita langkahi demi mencerna segala kebaikan yang sememangnya mampu kita peroleh pada masa akan datang.

Lantaran itu, sidang editorial INFO MKM menguatkan semangat dan jati diri untuk meneruskan hasil usaha penghasilan majalah ini demi menyahut seruan dan lonjakan paradigma baru bagi sesi 2015.

INFO kali ini menyajikan anda dengan suasana Majlis Ramah Mesra YB Menteri PDNKK bersama warga kerja MKM, Majlis Konvokesyen MKM, kunjungan pelawat dari dalam dan luar negara, jaringan kerjasama MKM dengan negara luar, seminar dan bengkel yang dijalankan sepanjang 2014, sesi kemasukan pelajar dan sebagainya. Turut kami bawakan kemeriahan sekitar Hari Koperasi Negara 2014 yang lalu dan MKM turut terlibat secara langsung sebagai penganjur bersama.

Maktab Koperasi Malaysia sentiasa bergerak maju ke hadapan dalam usaha memartabatkan fungsinya sebagai pusat latihan koperasi di Malaysia. Justeru dalam usaha mendokong dan merealisasikan fungsi tersebut serta mewujudkan hubungan baik dengan umum bagi membantu melahirkan warga koperator yang berilmu dan berkemampuan tinggi mengenai koperasi, penerbitan INFO dilihat sebagai langkah pendokumentasian dalam menyampaikan maklumat yang berkesan. Tidak ketinggalan juga sebagai pemangkin kepada mempromosikan aktiviti-aktiviti ilmiah dan wacana ilmu yang telah berjaya dilaksanakan.

Akhir kata, sudi-sudikanlah untuk membaca majalah INFO ini dan melihat seribu cerita mengikut tafsiran mata yang melihat.

Sekian,

Terima Kasih,

HAJAH JULIA BEE BT RAMJAN

MAJLIS TAKLIMAT TRANSFORMASI DAN RAMAH MESRA YB MENTERI PDNKK BERSAMA WARGA DAN PELAJAR MKM

oleh : Nuur-Fadzillah Zulkepli
Pusat Antarabangsa dan Komunikasi Korporat

BERSAMA
DAN PELAJAR MKM
TARIKH:
JANUARI 2015
TEMPAT:
ABDUL AZIZ ISHAK



Bergambar kenangan bersama YB Menteri PDNKK

Berempat di Kampus Induk Maktab Koperasi Malaysia (MKM) Petaling Jaya, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (PDNKK), YB Dato' Seri Hasan bin Malek telah menghadiri Majlis Taklimat Transformasi MKM dan Ramah Mesra YB Menteri bersama Staf dan Pelajar MKM. Majlis yang diselenggarakan oleh pihak MKM ini telah berlangsung pada 22 Januari 2015. Seramai 300 orang termasuk tetamu jemputan, pihak media, kakitangan dan pelajar MKM turut hadir memeriahkan majlis ini.

Ketibaan Menteri seawal jam 10.30 pagi disambut oleh YBhg. Prof Madya Dr. Abdul Rahman Bin Abdul Razak Shaik, Ketua Pengarah MKM. YB Menteri kemudiannya dibawa ke bilik Mesyuarat Anggerik untuk taklimat transformasi



YB Dato' Seri Hasan bin Malek berharap transformasi MKM dapat membuka dimensi baharu yang lebih dinamik dan progresif

MKM. Tujuan transformasi MKM adalah untuk melaksanakan Dasar Koperasi Negara (DKN) ke arah pencapaian 50 bilion KDNK negara menjelang tahun 2020. Selain itu, ia juga bertujuan ke arah pembangunan modal insan koperasi serta melahirkan tenaga pengurusan profesional dalam gerakan koperasi.

Selesai sahaja majlis taklimat Pelan Transformasi MKM, YB Menteri dibawa ke Dewan Abdul Aziz Ishak untuk beramah mesra bersama warga kerja dan para pelajar MKM. Majlis ramah mesra ini bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan silaturahim antara pihak kementerian dengan warga MKM.

Seperti yang sedia maklum, MKM adalah satu-satunya institusi latihan dan

pendidikan koperasi di negara ini sejak tahun 1956. MKM secara langsung memberi impak kepada pembangunan modal insan gerakan koperasi di Malaysia. Ironi dari transformasi yang bakal dilaksanakan oleh MKM ini dilihat sebagai jalan untuk terus melahirkan koperator dari generasi Y yang berdaya saing dan memiliki kemampuan tinggi untuk memperkasa gerakan koperasi menjelang era 2020.

Akhir sekali YB Menteri KPDNKK menerusi ucaptamanya berharap dengan adanya transformasi MKM, bakal membuka dimensi baru kepada organisasi ini agar lebih dinamik dan progresif serta dapat membantu usaha KPDNKK untuk mencapai sasaran Dasar Koperasi Negara khususnya.



Bergambar bersama penerima Biasiswa Pendidikan MKM



MAJLISKONVOKESYEN MAKTAB KOPERASI MALAYSIA KE-18

oleh : Fatin Hazira Binti Sulaiman
Pelajar, Pusat Pendidikan Tinggi

Konvokesyen Maktab Koperasi Malaysia (MKM) ke-18 telah diadakan pada 28 Ogos 2014 di Hotel Summit USJ, Subang, Petaling Jaya bagi meraikan 94 graduan Diploma Pengurusan Koperasi dan 13 graduan Diploma Profesional Pengauditan Koperasi (e-DPPK). Majlis penuh istiadat ini dihadiri oleh Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, YB Senator Dato' Seri Ahmad Bashah Md Hanipah, Ketua Pengarah MKM, Anggota Lembaga Pengarah MKM, wakil-wakil agensi di bawah KPDNKK, para pensyarah MKM dan juga ibu bapa graduan.

Majlis telah dimulakan dengan perarakan masuk para graduan dan dif-dif kehormat diiringi dengan paluan gamelan. Kata-kata aluan telah disampaikan oleh YBhg. Prof. Madya Dr. Abdul Rahman Abdul Razak Shaik,



YB Senator Dato' Seri Ahmad Bashah Md Hanipah menyampaikan ucapan perasmian Konvokesyen MKM ke-18

Ketua Pengarah MKM. Ramai graduan MKM berjaya menempah nama di alam pekerjaan terutamanya dalam bidang koperasi. Standard kualiti yang diterapkan dalam sistem pengajaran dan pembelajaran menjadi salah satu asas utama dalam menghasilkan modal insan yang kompeten. Diharap

para graduan dapat membantu meningkatkan penghasilan idea-idea yang kreatif dan inovatif dalam memberi sumbangan dan memainkan peranan penting kepada organisasi.

Majlis diteruskan dengan perasmian dan pengisytiharan Penganugerahan



Pelajar terbaik Diploma Pengurusan Koperasi, Saudari Siti Fardaus bt. Ismail



Pelajar terbaik Diploma Profesional Pengauditan Koperasi, Saudari Wong Li Chui

Diploma Pengurusan Koperasi dan Diploma Profesional Pengauditan Koperasi oleh YB Senator Dato' Seri Ahmad Bashah Md Hanipah. Beliau melahirkan rasa gembira dengan kejayaan para graduan. Peningkatan graduan yang berjaya dihasilkan oleh MKM dilihat sebagai satu titik positif dalam membantu gerakan koperasi selaras dengan Dasar Koperasi Negara. Beliau juga berharap para graduan dapat menyumbang khidmat kepada sektor koperasi negara dan terus mempertingkatkan mutu kualiti sektor ini dalam KDNK negara. Selain itu, beliau juga yakin bahawa usaha MKM untuk menjadi universiti kelak akan tercapai dengan jayanya.

Seterusnya, penganugerahan diploma dimulakan dengan penganugerahan program Diploma Pengurusan Koperasi. Seramai 94 pelajar telah dianugerahkan diploma beserta dengan pengisytiharan

Saudari Siti Fardaus Bt Ismail sebagai pelajar terbaik yang memperoleh PNGK 3.74 dan penglibatan yang aktif dalam bidang ko-kurikulum. Selain itu, lima orang pelajar juga telah dipilih sebagai pelajar cemerlang iaitu yang memperoleh keputusan 3.50 ke atas dan aktif dalam aktiviti sepanjang pembelajaran di MKM.

Pelajar terbaik DPK, Saudari Siti Fardaus, melahirkan perasaan sangat gembira dan terharu dengan anugerah yang diperolehi. Beliau menyatakan peranan semua pihak adalah faktor utama kejayaan beliau, antaranya para pensyarah yang sangat membantu pelajar di samping pembelajaran di MKM yang sangat fleksibel.

Majlis diteruskan dengan penganugerahan diploma kepada graduan Diploma Profesional Pengauditan Koperasi (e-DPPK).

Seramai 13 graduan telah berjaya bergraduasi dengan jayanya. Pelajar graduan e-DPPK terdiri daripada mereka yang berkerja sambil belajar. Seramai dua pelajar e-DPPK telah dipilih sebagai pelajar cemerlang. Bagi pelajar terbaik, Puan Wong Li Chui PNGK 3.88, belajar sambil bekerja bukanlah satu penghalang bagi beliau untuk memperoleh keputusan yang cemerlang. Mempraktikkan pengalaman bekerja dalam pembelajaran memberikan satu kelebihan kepada mereka untuk lebih memahami ilmu yang diberikan. Beliau juga mengajak golongan pekerja di luar yang sedang mencari-cari tempat pengajian untuk memasuki MKM kerana pembelajaran yang kondusif dan mempunyai standard kualiti yang diiktiraf.

Secara keseluruhannya, Konvokesyen MKM ke-18 ternyata telah memberi pencetus semangat kepada para graduan untuk menabur khidmat atas ilmu yang telah diperoleh terutamanya dalam bidang koperasi. Semoga mereka dapat menjadi modal insan yang bermanfaat kepada masyarakat dan negara amnya dan menjadi inspirasi kepada bakal graduan untuk lebih fokus dalam mencapai kejayaan yang cemerlang dalam pelajaran. Para graduan diharap dapat memanfaatkan segala ilmu dan pengalaman sepanjang belajar di MKM dan digunakan dalam bidang yang diceburi lebih-lebih lagi mereka merupakan produk keluaran MKM yang akan menjadi model pada masyarakat luar.

Ucapan tahniah kepada para graduan yang telah berjaya bergraduasi.

57 GRADUAN MKM-UUM TERIMA IJAZAH PADA ISTIADAT KONVOKESYEN UUM KE-27



oleh : Cik Nazirah Baharudin
Pusat Pendidikan Tinggi

Istiadat konvokesyen Universiti Utara Malaysia ke-27 telah berlangsung selama lima hari berturut-turut mulai 8 hingga 12 November di Dewan Mu'adzam Shah UUM Sintok. Pada hari Rabu bersamaan 12 November 2014, seramai 57 graduan program Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (BBA) pengkhususan Pengurusan Koperasi MKM-UUM telah menerima ijazah masing-masing. Program ijazah ini merupakan program kerjasama antara Maktab Koperasi Malaysia (MKM) dan Universiti Utara Malaysia (UUM). Program ini mula diperkenalkan pada Disember 2008 dengan 32 graduan pertama telah bergraduat pada 2012. Pada masa ini terdapat seramai 87 orang pelajar sedang mengikuti

program tersebut di kampus MKM Petaling Jaya.

Dalam majlis konvokesyen kali ini, graduan kohort 2010 dan 2011 ini telah menerima ijazah masing-masing daripada Pro-Canselor UUM, Tun Dato' Sri (Dr.) Ahmad Fairuz Dato' Sheikh Abdul Halim. Seramai 18 orang pelajar telah mendapat Ijazah Kelas Kedua Atas dan selebihnya menerima Ijazah Kelas Kedua Bawah.

"Setelah 6 tahun berada dalam dunia pendidikan, MKM dengan kerjasama UUM telah berjaya melahirkan seramai 144 orang graduan yang kini menjadi sebahagian daripada modal insan yang berkualiti kepada negara dan gerakan koperasi khususnya.



Nor Hafshah Ahmad Shawal, pelajar terbaik program Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan Dengan Kepujian pengkhususan Pengurusan Koperasi Kerjasama MKM-UUM



Ketua Pengarah Maktab Koperasi Malaysia (tiga dari kanan) di pentas utama Majlis Konvokesyen UUM ke-27



Ketua Pengarah MKM (dua dari kiri) bersama dengan graduan MKM-UUM selepas Majlis Konvokesyen UUM ke-27

"Ini terbukti dengan kejayaan program ini yang memenuhi kehendak pasaran masa kini dan sebagai contoh, sebanyak 67 peratus graduan MKM-UUM yang membina kerjaya di koperasi yang ternama, di syarikat-syarikat serta menjadi tenaga pengajar dalam bidang koperasi.

Beliau berkata sedemikian dalam sesi temu bual di Pusat Pendidikan Tinggi Maktab Koperasi Malaysia. Menurut Haji Ramlan, MKM-UUM merupakan satu-satunya institusi pendidikan tinggi yang memberi pendidikan secara khusus dalam subjek pengurusan koperasi bagi melahirkan pengurus dan eksekutif koperasi yang kompeten.

Beliau berharap agar lebih ramai pelajar akan memilih program seumpama ini yang membuka peluang kepada generasi muda untuk membina kerjaya bukan sahaja di sektor kerajaan dan di sektor swasta tetapi sektor koperasi yang berpotensi untuk dikembangkan.



Tahniah diucapkan kepada semua graduan



“Memperkukuhkan Koperasi, Memperkasakan Ekonomi”.

Oleh: Nuur-Fadzillah Zullkepli
Pusat Antarabangsa dan Komunikasi Korporat

Hari Koperasi Negara (HKN) merupakan acara tahunan untuk menjelaskan aktiviti, peranan dan hala tuju gerakan koperasi serta menghebahkan kepada masyarakat umum koperasi memainkan peranan penting dalam pembangunan negara dari segi ekonomi dan sosial. Pada tahun 2014 Stadium Mini Kuala Pilah, Negeri Sembilan, dipilih sebagai tapak berlangsungnya Hari Koperasi Negara (HKN). HKN berlangsung selama tiga hari bermula dari 22 hingga 24 Ogos. HKN 2014 bertemakan ‘Memperkukuhkan Koperasi, Memperkasakan Ekonomi’.

HKN 2104 menyediakan gerai bagi seluruh koperasi dari dalam dan luar negara yang terlibat mempamerkan produk dan perkhidmatan koperasi seperti kraftangan, industri berasaskan makanan, produk kesihatan, input

MKM mengambil peluang yang ada untuk turut mempromosikan program latihan jangka pendek dan jangka panjang yang ditawarkan kepada para koperator dan booth MKM juga turut membawa pengunjung mengenali sejarah MKM dengan lebih mendalam melalui dari sudut pengenalan kepada MKM, sejarah penubuhan, perkembangan dari dahulu sehingga ke hari ini.

pertanian, produk pelancongan dan produk jahitan/sulaman. Selain gerai, banyak aktiviti menarik disediakan kepada semua pengunjung yang hadir. HKN kali ini juga mendapat liputan meluas dari media arus perdana.

Pada HKN kali ini, Maktab Koperasi Malaysia (MKM) dilantik menjadi urus setia bersama penganjuran HKN bersama Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK). Di kesempatan ini, MKM mengambil peluang yang ada untuk turut mempromosikan program latihan jangka pendek dan jangka panjang yang ditawarkan kepada para koperator dan booth MKM juga turut membawa pengunjung mengenali sejarah MKM dengan lebih mendalam dari sudut pengenalan kepada MKM, sejarah

penubuhan, perkembangan dari dahulu sehingga ke hari ini.

Bagi menarik lebih ramai pengunjung ke HKN, turut diadakan Forum Perdana Ehwat Islam. Program ini di bawah kendalian MKM dan dihadiri lebih 5,000 pengunjung.

HKN kali ini telah dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri Malaysia, YAB Tan Sri Dato’ Hj. Muhyiddin Bin Hj. Mohd Yassin. Turut hadir pada perasmian tersebut ialah Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan, YB Dato’ Hasan Bin Malek, serta tetamu-tetamu lain termasuklah ketua agensi-agensi di bawah KPDNKK. Pada majlis itu juga, turut diadakan penyampaian anugerah kepada para koperator yang meliputi pelbagai fungsi koperasi bagi mengenang jasa, sumbangan dan mengiktiraf sektor koperasi. Antara anugerah yang diberikan ialah Anugerah Koperasi Cemerlang, Anugerah Tokoh Koperasi, Anugerah Perkhidmatan Kewangan, Anugerah Pemborongan dan Peruncitan, Anugerah Pertanian dan Industri Asas Tani, Anugerah Pelancongan, Penjagaan Diri dan



Ustaz Kazim Elias (kiri) sebagai penceramah Forum Perdana Ehwat Islam

Kesihatan, Anugerah Perladangan, Anugerah Hartanah dan Anugerah Koperasi Sekolah.

di booth MKM seperti kuiz dan permainan yang menyediakan hadiah untuk pemenang.

Pada HKN kali ini juga, booth MKM berperanan sebagai sumber maklumat berkaitan MKM, yang dibuka seawal 8 pagi sehingga 12 malam yang berfungsi memberi khidmat nasihat, rujukan dan pengetahuan berkaitan koperasi kepada pengunjung yang hadir. Selain itu, pelbagai aktiviti menarik diadakan

Secara keseluruhannya, HKN kali ini memberi lebih banyak manfaat kepada masyarakat khususnya para koperator yang terlibat dalam membangunkan sektor koperasi di negara ini. Sambutan lebih 10 ribu pengunjung membuktikan sambutan masyarakat terhadap HKN.



Menteri PDNKK menerima cenderahati daripada Ketua Pengarah MKM



Ketua Pengarah MKM menyampaikan cenderahati kepada pengunjung di Hari Koperasi Negara 2014



DELEGASI SRI LANKA

Mengadakan Lawatan Kerja ke MKM

Oleh: R.Zarinatun Mohd Abdul Kader
Pusat Antarabangsa & Komunikasi Korporat

Pada 17 November 2014, MKM sekali lagi mengalu-alukan kehadiran seramai 25 orang delegasi dari Sri Lanka. Delegasi ini merupakan anggota koperasi "Consumer Co-operative Societies Federation Limited". Kunjungan lawatan kerja ini bertujuan untuk mendapat gambaran jelas berkaitan MKM sebagai sebuah institusi latihan yang menjalankan pembelajaran dan pendidikan dalam bidang koperasi di Malaysia. Taklimat telah disampaikan oleh Pn. Norwatim Hj. Abd Latiff, Timbalan Ketua Pengarah (Akademik). Majlis diteruskan dengan tayangan

video korporat MKM dan taklimat berkaitan perkembangan koperasi di Sri Lanka sebagai perkongsian maklumat bersama ahli mesyuarat.

Statistik di Jabatan Pembangunan Koperasi Sri Lanka menunjukkan bahawa bilangan koperasi dan perusahaan adalah lebih kurang 10,002 dan jumlah anggota sekitar 6,303,306 orang. Angka ini menunjukkan kekuatan gerakan koperasi dan kepentingan sektor koperasi dengan pendudukan umum di negara Sri Lanka adalah amat penting. Koperasi Pengguna telah menjadi pelopor bagi

gerakan koperasi keseluruhan dengan 4,000,000 orang anggota koperasi dalam sektor pengguna. Ini sudah cukup membuktikan hubungan yang rapat antara koperasi dengan pengguna biasa dalam kegiatan sehari-hari.

Delegasi bersoal jawab dan berkongsi pandangan dengan pihak MKM untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas mengenai gerakan koperasi, cara kerja, budaya, undang-undang yang diguna pakai di Malaysia terhadap koperasi dan pendidikan yang ditawarkan kepada anggota koperasi di Malaysia.



Sesi taklimat



Wakil delegasi menyampaikan cenderahati kepada Pn. Norwatim Hj. Abd Latiff



Lawatan dari Delegasi Republik Ethiopia

Oleh: Haslinda Sujak
Pusat Antarabangsa & Komunikasi Korporat

Pada 28 Oktober 2014 yang lalu, pihak pengurusan tertinggi MKM yang diketuai oleh Ketua Pengarah MKM sendiri telah berbesar hati menerima kunjungan hormat delegasi dari Republik Ethiopia. Delegasi terdiri daripada 7 orang pengurusan tertinggi kerajaan wilayah-wilayah dan ketua-ketua Biro Pertanian setiap wilayah yang diketuai oleh H.E Usman Surur, Ketua Pengarah, *Federal Cooperative Agency*, Republik Ethiopia. Objektif utama lawatan adalah untuk melihat amalan terbaik dalam latihan dan pembangunan koperasi oleh MKM secara terperinci iaitu:

- Mengetahui latar belakang dan operasi MKM;
- Memahami struktur dan stakeholder MKM;
- Memahami pemilihan kumpulan sasaran;
- Mengetahui mekanisme penyampaian latihan dan kelayakan;
- Mengetahui impak MKM kepada gerakan koperasi Malaysia.



H.E Usman Surur, Ketua Pengarah, *Federal Cooperative Agency*, Republik Ethiopia (Kanan)

Antara lainnya delegasi juga ingin mengetahui tentang sumber kewangan operasi MKM dan kaitan MKM dengan kerajaan. Selain itu, mengetahui cara koperasi-koperasi di Malaysia dikategorikan, bentuk bantuan kewangan yang disalurkan oleh kerajaan kepada koperasi dan kelebihan koperasi dalam aspek percukaian turut dibincangkan. Malah isu-isu berkaitan tadbir urus yang ditekankan dalam

Kursus Wajib I, proses program jangka panjang MKM mendapat akreditasinya, dan permohonan menyertai program MTCP juga telah diperjelaskan.

Perbincangan dan taklimat diketuai oleh Ketua Pengarah dan pengurusan kanan MKM dan turut hadir ialah En. Abdul Razak Mohammed, Pengarah Bahagian Antarabangsa, KPDNKK; Pn Aziba Rashidi, Ketua Penolong Pengarah,



Lawatan ke Makmal Komputer



Lawatan ke Bilik Kuliah

Bahagian Pembangunan Koperasi, KPDKK dan Pn. Nurajirah Abd Majid, Penolong Setiausaha, Bahagian Afrika, Kementerian Luar Negeri. Taklimat dan sesi soal jawab sangat memenuhi objektif lawatan malah maklumat yang dikongsikan adalah lebih daripada apa yang mereka jangkakan. Delegasi juga turut dibawa melawat kampus induk MKM di Jalan Templer, Petaling Jaya.

Disimpulkan bahawa delegasi mengambil contoh struktur dan



Ketua Pengarah MKM bergambar kenangan bersama delegasi dari Federal Cooperative Agency, Republik Ethiopia



Ketua Pengarah MKM beramah mesra dengan Ketua Pengarah Federal Cooperative Agency, Republik Ethiopia



Penyampaian cenderahati kepada Ketua Pengarah Federal Cooperative Agency, Republik Ethiopia

operasi MKM sebagai antara 3 institusi latihan perkoperasian terbaik di Asia selain Korea dan Thailand yang

dipilih oleh delegasi sebagai contoh bagi mereka membangunkan institusi latihan perkoperasian mereka. H.E Usman Surur merumuskan untuk menyampaikan hasrat bagi mewujudkan kerjasama yang lebih spesifik seperti MOU. Perkara ini akan disampaikan oleh beliau kepada Kementerian Pertanian dan Luar Bandar Ethiopia (hampir 50% koperasi di Ethiopia adalah koperasi pertanian) sekiranya perlu untuk sebarang MOU dengan KPDKK dalam aspek latihan dan pendidikan koperasi kedua-dua negara.



LAWATAN KERJA DELEGASI DARI KENYA INSTITUTE MANAGEMENT (KIM) KE MAKTAB KOPERASI MALAYSIA (MKM)

Oleh: R.Zarinatun Mohd Abdul Kader
Pusat Antarabangsa & Komunikasi Korporat

Delegasi dari Kenya Institute Management (KIM) berada di Malaysia bagi mengikuti persidangan selama lima hari, anjuran Malaysian Productivity Corporation (MPC) bermula dari 23 hingga 27 Jun 2014. Dalam pengisian jadual persidangan, beberapa program telah diatur termasuklah lawatan kerja ke Maktab Koperasi Malaysia (MKM) pada 26 Jun 2014. Delegasi ini diketuai oleh En. Alfred Lenana, Pengarah Urusan dan Pengerusi Kenya Institute Management (KIM) bersama Pn. Wangechi Wiriuki, Head of OPI of Kenya Institute Management (KIM), En. Gladys Mami Wambua dan enam orang pegawai dari institut ini. Perbincangan telah dipengerusikan oleh Pn. Julia Bee Ramjan, Timbalan Ketua Pengarah (Pentadbiran). Lawatan kerja ini untuk membincangkan kerjasama strategik dalam bidang latihan dan pendidikan koperasi serta aktiviti-aktiviti berasaskan ilmu pengetahuan seperti

penyelidikan, pertukaran maklumat dan kepakaran serta program sangkutan. Jalinan kerjasama ini bukan sahaja akan memberi manfaat kepada warga kerja kedua-dua buah institusi malah kepada gerakan koperasi di Malaysia dan Kenya dalam pelbagai aspek pendidikan dan latihan koperasi.

Secara kesimpulannya lawatan delegasi Kenya ini telah menampakkan

kesungguhan mereka untuk mengetahui lebih dekat tentang perkembangan gerakan koperasi di Malaysia. Delegasi ini berpendapat jalinan kerjasama antara Maktab Koperasi Malaysia (MKM) dengan Kenya Institute Management (KIM) merupakan tapak permulaan untuk bertukar-tukar pendapat dan mengambil kira pendekatan MKM sebagai institusi yang telah lama mendalami ilmu pengetahuan dalam pendidikan koperasi.



Delegasi KIM bergambar kenangan dengan pegawai-pegawai MKM

PROGRAM LATIHAN KERJASAMA MKM DAN BADAN KEMAJUAN INDUSTRI BRUNEI (BINA)

Oleh: Haslinda Sujak
Pusat Antarabangsa dan Komunikasi Korporat



Program Keusahawanan Koperasi Brunei Darussalam dikendalikan oleh Pn. Hjh. Nurizah Noordin (duduk, empat dari kanan) dan Pn. Noranita Mohd. Nor (duduk, empat dari kiri)

Pada 8 Disember 2013 Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Brunei telah menandatangani satu Memorandum Persefahaman (MoU) antara kedua-dua pihak dalam pernyataan antara pemimpin semasa Mesyuarat Rundingan Tahunan ke-17 Mesyuarat Malaysia-Brunei di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. MoU tersebut memberi tumpuan kepada potensi kerjasama yang boleh diwujudkan bagi tujuan pembangunan pergerakan koperasi di kedua-dua negara terutamanya menerusi pertukaran maklumat dan kepakaran, penyelidikan dan perundingan serta program latihan.

Berdasarkan MoU tersebut, KPDNKK dan Kementerian Perindustrian dan Sumber-sumber Utama (KPSU) Brunei Darussalam adalah *focal point* atau pusat rujukan bagi aktiviti

yang dijalankan. Semua aktiviti yang dipersetujui di bawah MoU ini akan dilaksanakan melalui jabatan dan agensi-agensi di bawah KPDNKK iaitu Maktab Koperasi Malaysia (MKM), Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (ANGKASA). Sehubungan itu, pada 27 Januari 2014, satu mesyuarat *Joint Working Group* (JWG) antara agensi kerajaan Brunei iaitu Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA) dengan KPDNKK dan MKM telah membincangkan potensi menjalankan pelbagai program jangka pendek untuk meningkatkan pengetahuan Ahli Lembaga Koperasi di Brunei yang seterusnya akan membantu mereka menguruskan koperasi dengan cekap.

Justeru itu, sepanjang 2014 tiga program latihan telah dijalankan di Brunei Darussalam iaitu:

- **Perancangan Strategik Gerakan Koperasi untuk pembangunan Modal Insan BINA** pada 28-29 Februari 2014. Program ini bertujuan untuk memperkasakan organisasi BINA terutama kakitangan Bahagian Kemajuan Koperasi dalam menyokong hala tuju gerakan koperasi Brunei Darussalam.
- **Keusahawanan Koperasi untuk ALK** pada 21-23 April 2014. Program ini dijalankan bagi memantapkan penghayatan ALK sebagai ahli perniagaan yang lebih dinamik dan kreatif, relevan dengan persekitaran perniagaan, berdaya saing, cekal dan mampu menjana keuntungan.



Sesi yang disampaikan oleh Pn. Hjh. Nurizah Noordin



Program Perancangan Strategik Gerakan Koperasi Negara Brunei Darussalam dikendalikan oleh Pn. Norwatim Hj Abd Latiff, Timbalan Ketua Pengarah Akademik MKM



Para peserta diberi peluang berbincang dan membentangkan idea mereka bagi memperkasakan hala tuju koperasi masing-masing

- **Pengurusan Strategik Koperasi untuk ALK** pada 1-3 Disember 2014. Peserta kursus ini didedahkan kepada konsep Pengurusan Strategik termasuk komponen utama Perancangan Strategik seperti Visi, Misi dan Objektif; Analisis SWOT bagi Persekitaran dalaman dan luaran

koperasi; Matriks TOWS bagi tujuan Penjanaan dan Pemilihan Strategi; dan Kawalan serta Pemantauan Prestasi menerusi *Balanced Scorecard* dan Penetapan KPI.

Beberapa program latihan mencakupi bidang Pemantapan Tadbir Urus,

Perakaunan dan Pengurusan Kewangan pula dijangka bakal dilaksanakan pada tahun 2015. Menerusi usaha ini diharapkan kerjasama kedua-dua pihak iaitu BINA dan MKM memberi manfaat kepada para peserta program dan hubungan antara kedua-dua negara dapat diperkukuhkan.

'INTERNATIONAL TRAINING PROGRAMME CUM EXPOSURE VISITS WITH FOCUS ON COOPERATIVE CREDIT & BANKING'

oleh : Norhayati Abd Rahman, Pusat Pengurusan Perniagaan
Frank Me-ol Abdullah, MKM Cawangan Sarawak

Pada tahun 2009, Maktab Koperasi Malaysia (MKM) telah memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Vaikunth Mehta Institute (VAMNICOM), India. Lanjutan daripada memorandum persefahaman ini maka MKM telah bekerjasama dengan VAMNICOM untuk menjalankan program latihan serta lawatan sambil belajar yang bertajuk 'International Training Programme Cum Exposure Visits with Focus on Cooperative Credit and Banking'. Program ini adalah yang keenam selepas MoU ditandatangani.

Objektif program ini adalah untuk memberi pendedahan dan kefahaman mengenai perjalanan pengurusan Koperasi Bank dan Kredit di India. Program telah dijalankan selama 14 hari bermula dari 26 Mei sehingga 8



■ Suasana dalam bilik kuliah di VAMNICOM

Jun 2014. Seramai lapan orang peserta telah menghadiri program ini yang terdiri daripada dua orang pegawai MKM, dua orang pegawai Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), dua orang pegawai Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (ANGKASA), seorang

daripada Koperasi Pegawai Kerajaan Selangor dan Wilayah Persekutuan Malaysia Berhad (KOSWIP) dan seorang daripada Koperasi Wawasan Malaysia Berhad (KOWAMAS).

Sepanjang program ini berlangsung peserta telah didedahkan dengan perjalanan pengurusan koperasi bank dan kredit di India oleh pensyarah-pensyarah VAMNICOM. Kami turut dibawa melawat ke beberapa koperasi bank dan kredit yang berjaya di negeri Maharashtra, India. Antara tempat lawatan yang dikunjungi ialah Jijamata Women's Cooperative Bank, Pune. Prinsip asas penubuhan adalah untuk menggalakkan kaum wanita yang miskin menabung dari pendapatan mereka walaupun sedikit.



■ Peserta program latihan bersama pensyarah VAMNICOM, Dr. Medha Dhubhashi (duduk)



■ Lawatan ke Jijamata Women's Cooperative Bank, Pune



■ Bersama pihak pengurusan Pendaftar Koperasi Maharashtra, Pune



■ Salah satu produk keluaran Katraj Dairy Pune Co-operative (KDPC)

Kami juga telah dibawa melawat Pune District Central Cooperative Bank Ltd (PDCC) dan National Bank for Agriculture and Rural Development (NABARD) yang terletak di Pune. NABARD berperanan sebagai fasilitator untuk sektor perbankan dalam bidang pertanian dan pembangunan luar

bandar, mempromosi dan menyokong polisi dan inovasi untuk pengembangan pertanian dan pembangunan luar bandar, memperkukuhkan sistem kredit luar bandar dan terlibat secara langsung untuk projek kerajaan terutama bagi pembangunan bank luar bandar dan bank koperasi.

Sesi lawatan juga diadakan ke Koperasi Maharashtra State Cooperative Bank Ltd (MSCB) yang terletak di daerah Mumbai. Sebagai bank di peringkat negeri, MSCB memberi pembiayaan kepada bank koperasi daerah. Bank ini mempunyai 41 cawangan dengan 1728 warga kerja. Bank ini juga memberi pembiayaan bagi hasil tanaman seperti

tepung, gula, beras, soya, kacang tanah dan kapas. Pada tahun 2013 MSCB telah mengadakan mesyuarat Agung Tahunan ke 102. Ini bermakna MSCB telah bertapak dan menjalankan perniagaan selama lebih 100 tahun.

Peserta juga berpeluang melawat Pejabat Pendaftar Koperasi Maharashtra, Pune dan melawat Satara District Central Cooperative Bank (SDCC) di daerah Satara. Semasa di SDCC kami dibawa melihat *Self Help Group (SHG)* di bandar Satara. SHG tersebut merupakan gabungan 22 buah SHG yang kecil terdiri daripada 440 orang ahli. SHG tersebut ditubuhkan pada tahun 2003 dan menjalankan perniagaan kedai runcit, pinjam meminjam kepada anggota dan kedai emas. Pada tahun 2013, SHG tersebut memperoleh pendapatan tahunan sebanyak 150 lakhs (lingkungan RM825 ribu). *Self Help Group (SHG)* merupakan salah satu strategi yang diadakan oleh pemerintah di India melalui aktiviti Koperasi Perbankan dan Kredit. Kerajaan India telah memperkenalkan konsep *Self Help Group* untuk menolong rakyat yang miskin terutama bagi suri rumah yang tidak mempunyai pendapatan tetap.



■ Gambar kenangan bersama pihak Pengurusan Atasan (NABARD)



Penulis (empat dari kanan) menyerahkan cenderahati MKM kepada Pengarah Urusan National Bank for Agriculture and Rural Development Pune (NABARD)



Lawatan ke Maharashtra State Cooperative Bank Ltd., Mumbai



Lawatan ke Madhusagar Honey Cooperative, Mahabaleswar



Bersama Pengerusi dan Pengurusan Atasan Satara District Central Cooperative Bank



Pelbagai produk keluaran koperasi yang dihasilkan daripada madu

Selain itu, kami juga dimaklumkan bahawa 'The Satara DCCB' telah memenangi enam anugerah berturut-turut daripada Bank Pembangunan Pertanian dan Luar Bandar India kerana prestasi mereka.

Seterusnya kami turut dibawa melawat Madhusagar Honey Cooperative, kedai milik koperasi yang menjual barangan daripada madu dan Pune District Cooperative Milk Union (Katraj Dairy). Produk susu hasil dari kilang ini adalah produk yang terbaik (no. 1) di Pune. Kilang ini merupakan koperasi susu yang pertama di Pune yang mendapat pengiktirafan di peringkat

antarabangsa berkaitan dengan ISO-9001 (Quality Management System), HACCP (Food Safety Audit) dan ISO-14001 (Environmental Management System).

Secara keseluruhannya, program seperti ini telah memberi input dan impak yang besar kepada kami dengan memberi banyak pendedahan, pengajaran dan pengalaman yang tidak ternilai. Faktor-faktor yang menyumbang kepada kejayaan koperasi dapat dilihat daripada lawatan yang telah kami kunjungi. Kesemua ini akan kami kongsi bersama gerakan koperasi di Malaysia khususnya bagi meningkatkan pencapaian koperasi. Harapan kami semoga program ini dapat diteruskan lagi pada masa akan datang.

MAJLIS MENANDATANGANI MOU ANTARA MKM - PUIM DAN *TECHNOLOGY UPDATE: ICT DALAM EKONOMI DIGITAL*

oleh : Nor Aslamiah Ali
Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi



Penyerahan Memorandum Persefahaman (MoU) antara MKM dan PUIM

Majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara MKM (Maktab Koperasi Malaysia) dengan PUIM (Persatuan Usahawan Internet Malaysia) telah berlangsung pada 25 Jun 2014 di Auditorium Dato' Abdul Majid, MKM. Majlis Penyerahan MoU ini diwakili oleh Pn. Norwatim Abdul Latiff, Timbalan Ketua Pengarah (Akademik) MKM sebagai tuan rumah dan En. Mohd Azrul Mohd Noor, Presiden Persatuan Usahawan Internet Malaysia (PUIM).

MoU ini akan memberi faedah kepada kedua-dua pihak dalam bidang pendidikan dan latihan meliputi bidang perniagaan dan pemasaran Internet (e-commerce). Selain bidang latihan, kerjasama ini juga dapat melahirkan lebih ramai lagi usahawan *online* dalam kalangan para koperasi. Seterusnya impak positif turut dapat dirasai oleh

gerakan koperasi yang menyasarkan sumbangan sebanyak RM50 bilion pada tahun 2020. Para koperasi perlu meneroka bidang-bidang baru seperti perniagaan *online* dan tidak hanya bergiat dalam bidang-bidang tradisional sahaja. Koperasi perlu bergerak ke hadapan dengan memanfaatkan teknologi yang ada.

Jika ia mampu mencapai sasaran tersebut, bermakna gerakan koperasi di negara ini akan menjadi salah satu pemangkin ekonomi negara sekali gus merealisasikan Dasar Koperasi Negara 2011 - 2020.

Turut diadakan bersekalikan dengan majlis MoU tersebut ialah program *Technology Update* yang bertemakan ICT Dalam Ekonomi Digital. Tajuk yang dipilih pada kali ini ialah **Internet**

MoU ini akan memberi faedah kepada kedua-dua pihak dalam bidang pendidikan dan latihan meliputi bidang perniagaan dan pemasaran Internet (e-commerce)



Ceramah yang disampaikan oleh Presiden PUIM, En. Mohd Azrul Mohd Noor

Marketing: Bersediakah Kita? Sesi ceramah ini dikendalikan oleh En. Mohd Azrul Mohd Noor sendiri, Presiden PUIM di hadapan 150 orang koperasi dan usahawan yang hadir. En. Muaz Abdul Hadi, Setiausaha Agung PUIM juga telah memberikan penerangan kepada semua peserta berkenaan dengan geran yang ditawarkan melalui PUIM iaitu geran eComm dan juga geran Mobile Apps.

Semoga kerjasama yang terjalin antara MKM dengan PUIM dapat memartabatkan lagi sektor koperasi dan sama-sama beroleh manfaat hasil memorandum persefahaman ini.

PROGRAM KERJASAMA TEKNIKAL MALAYSIA (MTCP) anjuran MKM 2014

Oleh: Noor Shafeeza Zainuddin
Pusat Antarabangsa dan Komunikasi Korporat

Program Kerjasama Teknikal Malaysia (PKTM) atau *Malaysian Technical Cooperation Programme* (MTCP) merupakan sebahagian daripada komitmen Kerajaan Malaysia ke arah mempromosikan kerjasama teknikal dalam kalangan negara-negara membangun, penguatan kerjasama serantau atau sub-serantau, memupuk semangat kolektif dan juga sifat berdikari dalam kalangan negara-negara membangun. Ia mula dirangka dan diperkenalkan pada tahun 1980 berdasarkan kepercayaan bahawa pembangunan sesebuah negara bergantung kepada kualiti sumber manusianya.

Maktab Koperasi Malaysia (MKM) bermula dari tahun 1984 sehingga kini, selaku salah sebuah pusat latihan yang mempunyai kepakaran khusus dalam

Modul program yang dijalankan pada kali ini lebih menjurus kepada penyelesaian alternatif terhadap isu-isu dan cabaran yang memberi kesan kepada gerakan koperasi secara global dalam aspek pengurusan dan pembiayaan mikro. Para peserta amat berpuas hati dengan perjalanan keseluruhan program.

bidang pentadbiran dan perniagaan koperasi telah berjaya melatih seramai 928 orang peserta antarabangsa daripada 83 buah negara semenjak program ini mula diperkenalkan oleh Kerajaan Malaysia.

Pada tahun 2014, MKM telah menyelaras dua buah kursus MTCP secara serentak bermula dari 7 hingga 20 September 2014. Seramai 20 orang peserta antarabangsa yang terdiri daripada wakil kerajaan, koperasi dan perintis akademik daripada tujuh buah negara iaitu India, Uzbekistan, Cambodia, Thailand, Lao PDR, Filipina, dan Uganda telah menghadirinya.

Modul program yang dijalankan pada kali ini lebih menjurus kepada penyelesaian alternatif terhadap isu-isu dan cabaran yang memberi kesan



YB Senator Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan merasmikan Majlis Penutupan Program MTCP 2014



Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyampaikan sijil kepada peserta dari Uzbekistan

kepada gerakan koperasi secara global dalam aspek pengurusan dan pembiayaan mikro. Para peserta amat berpuas hati dengan perjalanan keseluruhan program. Pelan Tindakan telah dihasilkan oleh setiap peserta untuk dibentangkan kepada agensi atau

kementerian yang diwakili berdasarkan kuliah dan aktiviti lawatan yang dijalani. Para peserta turut berterima kasih kepada MKM dan Kerajaan Malaysia khususnya, yang telah menaja program ini dalam usaha mengukuhkan

hubungan dua hala antara Malaysia dengan negara-negara membangun, di samping menjadikan program ini sebagai platform dalam menggalakkan kerjasama teknikal antara negara-negara yang terlibat.



Wajah-wajah ceria para peserta dan penyelaras bersama Timbalan Ketua Pengarah (Akademik) (tengah, barisan hadapan) setelah program tamat

MENARIK....Kepelbagaian persembahan tarian kebudayaan di Majlis Penutupan MTCP 2014 memukau hadirin

Program Induksi PENGURUS PPK MADA SIRI KE-2

oleh : Haslinda Sujak
Pusat Antarabangsa & Komunikasi Korporat



Peserta Program Induksi Pengurus PPK MADA Siri Ke-2 bergambar kenangan bersama Tn. Hj. Md Zuki bin Ismail, Pengurus Besar MADA (empat dari kanan), Ketua Pengarah MKM (lima dari kiri) dan Pengurusan Kanan MKM

Memorandum Persefahaman (MOU) yang termeterai antara MKM dengan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) pada 5 Mei 2014 telah merealisasikan hasrat MADA menggunakan kepakaran MKM melatih Pengurus-pengurus Besar Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) MADA dalam ilmu pentadbiran serta pengurusan organisasi. Justeru, Program Induksi Pengurus PPK MADA diteruskan dengan penganjuran Siri ke-2 pada 29 September-3 Oktober dan 13-17 Oktober 2014. Seramai 12 orang pengurus PPK MADA telah mengikuti Siri ke-2 ini.

Seterusnya pengurus PPK diberi pendedahan tentang Pengurusan Strategik dalam organisasi dengan penyesuaian persekitaran PPK di bawah penyeliaan MADA

Program induksi ini untuk memberi kefahaman kepada pengurus PPK terhadap keperluan dan kemahiran mentadbir dan mengurus organisasi dengan sistematik serta mendedahkan mereka kepada teknik pengurusan dan aplikasi kemahiran dalam aspek pentadbiran dan pengurusan organisasi secara cekap dan berkesan. Pelbagai pengisian diatur bagi program selama dua minggu ini mencakupi pelbagai bidang pentadbiran dan pengurusan organisasi.

Pada minggu pertama penekanan diberikan kepada peranan dan tanggungjawab pengurus yang juga

memerlukan kemahiran penyeliaan. Ini termasuklah pengurusan sumber manusia dalam organisasi dan pengurusan pejabat, selain kemahiran komunikasi dan perundingan. Pemantapan tadbir urus dalam PPK juga tidak kurang pentingnya dan diberi penekanan dalam program ini. Seterusnya pengurus PPK diberi pendedahan tentang Pengurusan Strategik dalam organisasi dengan penyesuaian persekitaran PPK di bawah penyeliaan MADA. Para peserta diberi peluang membentangkan idea mereka bagi memperkasakan hala tuju PPK dalam industri padi.

Pada minggu kedua pula peserta didedahkan kepada Rancangan Perniagaan yang menjadi asas panduan

kepada mana-mana organisasi perniagaan. Memandangkan fungsi PPK MADA adalah juga untuk pembangunan keusahawanan pesawah dan petani, maka aspek ini juga perlu diberi penekanan. Berikutnya adalah beberapa sesi mengenai Pengurusan Kewangan. Pengurus PPK amat berminat mengetahui tentang belanjawan dan pengurusan modal kerja selain memahami dan menganalisis Penyata Kewangan. Penceramah jemputan turut dijemput bagi berkongsi pengalaman menjadi pemimpin yang bertransformasi dan dapat menjayakan matlamat PPK.

Program ini telah mendapat maklum balas yang memberangsangkan daripada peserta, malah kesemua

pengurus PPK MADA lulus dengan baik dalam peperiksaan yang diadakan pada penghujung program ini. Beberapa siri latihan susulan sedang dalam perbincangan antara pihak MKM dengan MADA. Diharapkan kerjasama ini berterusan dan dapat memberi impak yang positif kepada kedua-dua pihak. MKM yang mahu mencapai kejayaan sebagai sebuah institusi latihan yang cemerlang berhasrat memanjangkan program sebegini kepada agensi-agensi dan pertubuhan-pertubuhan lain agar kelebihan pengendalian latihan MKM ini dapat dimanfaatkan lebih banyak pihak lagi di masa akan datang.



Pengurus PPK disarankan untuk tampil sebagai pemimpin yang bertransformasi bagi menjayakan matlamat PPK



Ucapan penghargaan dan penyampaian sijil oleh Timbalan Ketua Pengarah Akademik MKM kepada peserta Program Induksi Pengurus PPK MADA Siri Ke-2

International Seminar

CLOUD COMPUTING: TRANSFORMATION OF CO-OPERATIVE BUSINESSES; ISSUES AND CHALLENGES

oleh : Nor Aslamiah Ali
Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi



Barisan pembentang dari kiri: Ms. Carrine Teoh, Prof. Datuk Yusof Kasim (Moderator) dan Mr. Patrick Beaucamp

Pada era digital masa kini, *cloud computing* (pengkomputeran awan) bukan lagi sesuatu yang baru. Sedar atau tidak kita telah pun menggunakannya sejak dahulu lagi. Terdapat pelbagai aplikasi berasaskan teknologi *cloud computing* seperti storan maya dan aplikasi emel telah disediakan oleh enjin carian; Google, Yahoo dan sebagainya yang diberi percuma bagi kemudahan pengguna Internet. Di Malaysia, topik ini mula dibincangkan sejak tiga tahun kebelakangan ini. Oleh itu, bagi memberikan pendedahan kepada gerakan koperasi, maka MKM telah mengambil inisiatif untuk memberikan pendedahan awal kepada

Terdapat pelbagai aplikasi berasaskan teknologi *cloud computing* seperti storan maya dan aplikasi emel telah disediakan oleh enjin carian; Google, Yahoo dan sebagainya yang diberi percuma bagi kemudahan pengguna Internet.

warga koperator dari peringkat antarabangsa mengenai konsep *cloud computing* dalam membantu perjalanan perniagaan koperasi mereka dan mampu bersaing di peringkat global. Inilah masanya untuk koperasi berubah dan mengambil peluang dan manfaat daripada teknologi ICT.

Justeru, sebuah Seminar Antarabangsa bertajuk **Cloud Computing Transformation In Co-operative Businesses; Issues And Challenges** telah diadakan pada 17 dan 18 September 2014 bertempat di Auditorium Dato' A. Majid, MKM, Petaling Jaya. Seminar ini dianjurkan oleh Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dengan kerjasama Pusat Antarabangsa & Komunikasi Korporat (InCC). Objektif utama seminar ialah untuk mewujudkan kesedaran dan membolehkan peserta memahami dan menghayati potensi *cloud computing* dalam perniagaan koperasi untuk meningkatkan perniagaan mereka ke tahap yang lebih tinggi seterusnya membawa kepada perubahan dalam inovasi perniagaan. Selain itu, ia membincangkan isu-isu dan cabaran dalam mendepani dan melaksanakan teknologi *cloud computing* dalam perniagaan. Seminar dua hari ini telah berjaya menarik kehadiran peserta seramai 185 orang



Barisan pembentang dari kiri: Prof. Dr. Eric Tsui, Datuk Naim Mohamad (Moderator), En. Mohamad Zakaria Ali dan En. Mohd Nur Hakim bin Abd. Sukur

dari kalangan pemimpin koperasi, Pengurus IT, pemimpin-pemimpin dari universiti dan kolej, pegawai-pegawai kerajaan dan pegawai-pegawai agensi yang menyelia koperasi serta anggota koperasi.

Seminar Antarabangsa ini dirasmikan oleh Ketua Pengarah MKM, Prof. Madya Dr. Abdul Rahman bin Abdul Razak Shaik. Seramai sembilan orang pembentang kertas kerja dari dalam dan luar negara telah berkongsi

pandangan, pengetahuan, pengalaman dan kepakaran masing-masing. Panel pembentang yang dijemput dari sektor awam, swasta dan IPT iaitu En. Mohamad Zakaria Ali (MIMOS Bhd.), En. Zulkarnain bin Mohd Yasin (MCMC), Cik Carrine Teoh Chooi Shi (CyberSecurity Malaysia), En. Mohd. Fazly bin Mohd Yin (Skali Manage e-Business), En. Mohd Nur Hakim bin Abd. Sukur (Amim Technic Sdn. Bhd.), En. Engku Anwar Hilmi bin Engku Zaina Abidin (Media Online Malaysia & Business Online Malaysia), En. Arif Fischer bin Abdullah (Telcowin Sdn. Bhd.), En. Patrick Beaucamp (BPM Conseil), Perancis, dan Prof. Dr. Eric Tsui (The Hong Kong Polytechnic University). Seminar ini diakhiri dengan sesi forum bertajuk **Creating Co-operative Business Value Via ICT** oleh semua pembentang yang dijemput untuk rumusan ringkas daripada topik yang telah mereka bincangkan sebelum ini.



Ketua Pengarah MKM, Prof. Madya Dr. Abdul Rahman Abdul Razak Shaik menyampaikan cenderahati kepada Prof. Dr. Eric Tsui



Barisan urus setia bergambar kenangan bersama para pembentangan sesi 1 dan Ketua Pengarah MKM

Topik yang dibentangkan semasa seminar ini ialah:

1. Cloud Computing: The Next Computing Paradigm - Malaysia Experiences
2. Cloud Computing: Transforming Business Technology and Industry
3. The Future of Cloud Computing for Business Intelligence
4. Innovation In Motion: Go Cloud for Your Business
5. Exploring The Future of Cloud Computing: Riding The Next Wave of Technology- Driven Transformation
6. Building Business Strategy In Knowledge Based
7. Enhancing Corporate Governance Through Knowledge Approach
8. Issues & Challenges In Implementing Cloud Computing
9. Sharing Experience – Transformation of Business

Semua pembentang kertas kerja ini dikendalikan oleh lima orang moderator iaitu Prof. Dr. Mohd Ridzuan bin Nordin (Ahli Lembaga MKM), Prof. Datuk Mohd Yusof bin Kasim (Ahli Lembaga MKM), Datuk Naim bin Mohamad (Pengerusi Koperasi Kenderaan (TM) Melaka Berhad), Prof. Dr. Salleh bin Yahya (Pengarah Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Pendidikan Berterusan, UTeM) dan

En. Mohd Azrul bin Mohd Noor (Presiden Persatuan Usahawan Internet Malaysia).

Diharap para peserta dapat membawa pulang idea dan pengalaman masing-masing yang diperoleh untuk diaplikasi dalam perniagaan koperasi mahupun swasta. Tidak dapat dinafikan, *cloud computing* adalah teknologi yang



semakin pesat berkembang, walaupun masih baru di Malaysia dan semestinya ia mempunyai nilai yang besar dalam operasi perniagaan jika koperasi dapat memanfaatkannya. Tidak mustahil bagi koperasi khususnya untuk beralih daripada *in-house* computing kepada *cloud computing* dengan mengambil kira semua aspek yang dibincangkan dalam seminar ini.



oleh : Khairun Niza Mohd Anuar
Pusat Pengurusan Perniagaan

Pusat Pengurusan Perniagaan, Maktab Koperasi Malaysia (MKM) telah menganjurkan Seminar Wanita Penjana Ekonomi Koperasi "Inovasi Pemacu Prestasi" selama dua hari satu malam iaitu pada 29 hingga 30 Oktober 2014 bertempat di Bayou Lagoon Park Resort, Bukit Katil Melaka. Seramai 523 orang peserta dari pelbagai negeri di semenanjung telah menghadiri seminar ini. Seminar telah dirasmikan oleh Prof. Madya Dr. Abdul Rahman bin Abdul Razak Shaik, Ketua Pengarah MKM. Turut hadir ialah En. Mohd Faisal bin Rahman, Pengarah Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Negeri Melaka, dan En. Iqbal Afiq bin Osman, pegawai dari Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) Melaka.

Objektif utama seminar ini diadakan adalah untuk membincangkan isu dan cabaran yang wujud bagi wanita dalam

perniagaan dan mengenal pasti potensi keusahawanan wanita yang mampu menjadi pemangkin kepada ekonomi negara serta berkongsi pengalaman mengenai kejayaan wanita dalam perniagaan memajukan koperasi.

Seminar dimulakan dengan ucapan perasmian oleh Ketua Pengarah Maktab Koperasi Malaysia (MKM) dan diteruskan dengan sesi pembentangan kertas kerja pertama, En. Yusouf Mohd Puad selaku Penolong Pengurus Pemasaran Syarikat Faiza Sdn. Bhd. Pembentangan bagi sesi kedua pula disampaikan oleh Pn. Hj. Normah Ali, Pengarah Pembiayaan Kredit Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) berkaitan dengan kemudahan pembiayaan kepada koperasi dan sesi yang ketiga dibentangkan oleh Pn. Hj. Armi selaku Pengerusi Koperasi Jaya Murni Wanita Berhad tentang cabaran koperator wanita dalam pembangunan ekonomi koperasi.

Seminar ini telah membuka minda dan menyuntik semangat koperator wanita yang terdiri daripada barisan Anggota Lembaga Koperasi (ALK) hinggalah anggota-anggota koperasi dalam memajukan lagi koperasi, di samping kepekaan MKM dalam mewujudkan program-program yang sesuai seiring dengan keperluan koperasi di masa hadapan.



Pn. Hjh. Armi Hj. Zainuddin

Pada hari terakhir seminar, kertas kerja yang berikutnya telah dibentangkan oleh Pn. Emerilda Sani, Ketua Biro Wanita Persatuan Usahawan Internet Malaysia (PUIM) yang membentangkan tentang bagaimana melakukan inovasi dalam perniagaan serta berkongsi mengenai kelebihan perniagaan dalam talian. Setelah selesai sesi pembentangan kertas kerja, satu sesi forum wanita dalam perniagaan telah diadakan dan dua orang ahli panel telah dijemput. Forum dipengerusikan oleh Pn. Aishah Ariffin, Pengarah Pusat Tadbir Urus dan Perundangan Koperasi, MKM. Panel forum tersebut terdiri daripada YBhg. Dato' Seri Dr. Hjh. Hasmiza Othman atau dikenali sebagai Dr. Vida dari Syarikat Vida Beauty Sdn. Bhd. dan juga Prof. Madya Dr. Hj. Mohamed Saat Ismail, Pengerusi Koperasi Warga Universiti Sains Malaysia Kelantan Berhad (KWUSMKB). Koperasi Warga Universiti Sains Malaysia



Prof. Madya Dr. Hj. Mohamed Saat Ismail

Kelantan Berhad (KWUSMKB) turut berkongsi kisah kejayaan koperasi apabila dinobatkan sebagai penerima Anugerah Koperasi Terbaik kategori Pelancongan dan Kesihatan pada Hari Koperasi Negara 2014.

Seminar berakhir dengan sesi rumusan dan soal jawab bersama peserta. Segala pandangan, maklum balas dan cadangan yang dikemukakan akan dibawa ke pihak yang berkenaan dalam usaha memajukan lagi gerakan koperasi di Malaysia.

Secara keseluruhannya, seminar ini telah membuka minda dan menyuntik semangat koperator wanita untuk berani menceburi bidang perniagaan lebih berinovasi dan merebut peluang yang boleh menjana pendapatan kepada koperasi dalam mengembangkan ekonomi negara.



Pn. Emerilda Sani



YBhg. Dato' Seri Dr. Hjh. Hasmiza Othman

KONVENSYEN TRANSFORMASI MODAL INSAN KOPERASI

“Rantaian Nilai Menjana Keberhasilan Perniagaan Koperasi”

oleh : Christopher John Baptist
MKM Cawangan Sarawak

Tanggal 27 November 2014 merupakan detik yang penuh sejarah bagi MKM Cawangan Sarawak kerana buat julung kalinya MKM Cawangan Sarawak diberi kepercayaan menjadi tuan rumah bagi penganjuran konvensyen MKM peringkat Kebangsaan. Konvensyen ini bertajuk Transformasi Modal Insan Koperasi” Rantaian Nilai Menjana Keberhasilan Perniagaan Koperasi” dan telah berlangsung selama sehari ini di Hotel Pullman, Kuching. Seramai 687 peserta telah menghadiri konvensyen ini yang terdiri daripada anggota koperasi, pegawai agensi yang menyelia koperasi, kakitangan kerajaan persekutuan dan negeri, usahawan dan individu-individu yang berminat.

Antara objektif konvensyen ini adalah mendedahkan para peserta tentang konsep, kepentingan dan elemen-elemen rantaian nilai dalam perniagaan yang diceburi oleh gerakan koperasi, memperluaskan aktiviti ekonomi dan peningkatan nilai tambah melalui aktiviti rantaian nilai dalam industri yang diceburi oleh koperasi, menjalinkan pakatan strategik dan jaringan perniagaan dengan pihak ketiga dalam dan luar negara dan koperasi akan mendapat manfaat dari segi modal, teknologi dan pasaran; dan yang terakhir adalah untuk memperluaskan



Sesi forum

Objektif konvensyen ini adalah mendedahkan para peserta tentang konsep, kepentingan dan elemen-elemen rantaian nilai dalam perniagaan yang diceburi oleh gerakan Koperasi, memperluaskan aktiviti ekonomi dan peningkatan nilai tambah melalui aktiviti rantaian nilai dalam industri yang diceburi oleh Koperasi

pasaran produk dan perkhidmatan koperasi kepada pasaran terbuka dan tidak terhad kepada keperluan anggota sahaja sama ada dalam dan luar negara dengan memanfaatkan kemudahan ICT. Dalam Konvensyen ini sebanyak tiga kertas kerja telah dibentangkan. Para penceramah terdiri dari golongan akademik, pengurusan profesional dan ahli korporat yang didatangkan khas dari Kuala Lumpur. Kertas kerja yang pertama mengenai Bidang-bidang Keberhasilan Utama dan Profesor Dr. Rosmimah binti Roslin dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) telah menyentuh dan fokus kepada ceramahnya mengenai teori, konsep dan bagaimana rantaian nilai perniagaan koperasi dapat dilaksanakan. Kertas kerja yang kedua mengenai Rantaian



Panel pembentangan kertas kerja

Nilai Dalam Koperasi yang telah disampaikan oleh Tn. Hj. Saiful Bahari bin Omar iaitu Pengarah Pemantauan dan Penilaian Projek dari Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan kertas kerja yang terakhir adalah mengenai perkongsian Pengalaman Kejayaan Koperasi Melalui Model Rantian Nilai Strategik yang telah disampaikan oleh YBhg. Dato' Haji Mohd Aini Bin Haji Taib, Pengerusi Koperasi Serbaguna Anak-anak Selangor Berhad (KOSAS).

Di akhir konvensyen ini, satu sesi forum telah diadakan dan tiga ahli panel telah dijemput untuk berkongsi pengalaman mereka masing-masing terhadap tajuk konvensyen iaitu "Transformasi Modal Insan Koperasi: Rantian Nilai Menjana Keberhasilan Perniagaan Koperasi". Antara ahli panel forum tersebut ialah Tn. Hj. Saiful Bahari bin Omar (Pengarah Pemantauan dan Penilaian Projek SKM), En. Shaharuddin Mohamed, Ketua Pegawai Eksekutif My Angkasa Holding Sdn Bhd (MHSB) dan ahli panel terakhir ialah YBhg. Dato' Haji Mohd Aini Bin Haji Taib, Pengerusi Koperasi Serbaguna Anak-anak Selangor Berhad (KOSAS). Forum konvensyen ini telah

dipengerusikan oleh Pengarah MKM Cawangan Sarawak ketika itu iaitu Encik Ngadi bin Robin.

Secara ringkasnya, Konvensyen ini yang julung kali penganjurannya diadakan di Kuching telah berjaya menarik penyertaan daripada 125 buah koperasi dan agensi dari seluruh Negeri Sarawak, Semenanjung dan Sabah. Apa yang penting, pihak MKM Cawangan Sarawak telah pun membuka asas dan ruang untuk para koperator

mendapatkan idea, cadangan dan maklum balas positif berkenaan industri tersebut dan diharapkan para koperator yang hadir dapat menggunakan peluang terhidang dengan sebaiknya untuk memastikan sektor koperasi negara terus membangun dalam menyahut seruan kerajaan. Hanya dengan pendekatan terkini dan sifat berani berubah ke arah kebaikan akan memastikan kelangsungan perniagaan koperasi.



Sesi soal jawab

BENGGKEL PENYELENGGARAAN KOMPUTER PERIBADI (PC)

oleh : Nor Aslamiah Ali
Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi



Pengetahuan asas baik pulih komputer amat penting untuk mengatasi masalah-masalah kecil komputer dan sudah tentunya amat berguna kerana ia mampu menjimatkan masa dan kos. Justeru itu, satu kursus penyelenggaraan komputer telah diadakan di Cyber Xeon, Maktab Koperasi Malaysia, anjuran Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (Pusat ICT) pada 9 hingga 11 Jun 2014. Kursus ini direka khas untuk peserta yang mempunyai pengetahuan IT tahap pertengahan. Dalam bengkel selama tiga hari ini, peserta didedahkan secara teori dan praktikal berkaitan komputer peribadi (PC), pemilihan dan pemasangan perkakasan, konfigurasi perisian serta konfigurasi asas sistem operasi (OS). Peserta juga turut didedahkan dengan masalah-masalah kerosakan komputer yang biasa berlaku dan juga teknik-

teknik penyelenggaraan komputer yang berkesan. Kursus ini dikendalikan oleh pensyarah Pusat ICT, Pn. Nor Aslamiah Ali dan seorang pakar dalam bidang penyelenggaraan komputer En. Latiff Esa (A+ Certified Trainer (ACT)).

Di akhir bengkel, kebanyakan peserta berpuas hati kerana dapat merasai sendiri pengalaman memasang dan membaik pulih sendiri komputer. Jika sebelum ini, mereka agak takut untuk memasang sendiri komputer, namun di akhir bengkel ini dijalankan mereka semakin yakin untuk melakukannya. Ada sesetengah peserta yang mempunyai kemahiran, namun kerana tiada bimbingan mereka kurang yakin. Dengan bengkel ini bukanlah untuk menjadikan mereka pakar tapi sekadar pendedahan tentang masalah-masalah yang biasa

berlaku dan bagaimana mengatasinya, seterusnya mengelakkan daripada ditipu dengan kos penyelenggaraan yang mahal.

Tahniah kepada peserta kursus yang hadir, moga ilmu yang berguna ini dapat dimanfaatkan kepada diri sendiri dan juga koperasi.





Bengkel Perumahan Koperasi: Isu dan Cabaran Pelaksanaan

oleh : Mohd Nusi Abdul Rahman
Pusat Pengurusan Perniagaan

YBhg. Prof. Madya Dr. Abdul Rahman Abdul Razak Shaik,
Ketua Pengarah MKM

Pada 18 hingga 19 Jun 2014, Pusat Pengurusan Perniagaan (COB), Maktab Koperasi Malaysia (MKM) telah menganjurkan “**Bengkel Perumahan Koperasi: Isu Dan Cabaran Pelaksanaan**” di Kuala Lumpur International Hotel (KLIH).

Bengkel ini telah dirasmikan pembukaannya oleh Ketua Pengarah MKM, YBhg. Prof. Madya Dr. Abdul Rahman Abdul Razak Shaik dan turut dihadiri Timbalan Ketua Pengarah (Akademik), Pn. Norwatim Hj. Abd. Latiff. Seramai enam orang penceramah jemputan yang berpengalaman dalam pelbagai bidang mengenai projek perumahan/hartanah telah diundang untuk mengupas dan membincangkan pelbagai isu dalam bengkel ini. Mereka adalah daripada Jabatan Perumahan Negara, Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata, Amin Consulting Group (AGC), Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Bhd. dan satu kertas kerja daripada MKM sendiri.

Objektif bengkel ini memberi pendedahan tentang aliran pelaksanaan

projek perumahan secara umum dan mengenal pasti cabaran serta aspek teknikal yang wujud dalam menyiapkan projek perumahan. Dengan objektif yang telah dirangka ini dan penceramah yang mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang projek perumahan/hartanah, pelbagai maklumat dan input telah disampaikan. Diikuti dengan sesi soal jawab yang begitu interaktif dan peserta menunjukkan minat dalam projek perumahan/hartanah.

Bengkel dua hari satu malam ini telah berjaya menarik peserta seramai 55 orang yang terdiri daripada 23 buah koperasi. Mereka ialah Ahli Lembaga Koperasi (ALK), bahagian pengurusan kanan koperasi dan pengurus projek perumahan/hartanah koperasi. Pemilihan peserta untuk menghadiri bengkel ini berdasarkan kepada koperasi yang telah atau sedang menjalankan projek perumahan/hartanah.

Di penghujung bengkel ini telah diadakan sesi resolusi untuk memberi ruang dan peluang kepada para peserta bagi mengemukakan isu, cabaran dan

cadangan penyelesaian berkaitan dengan projek perumahan/hartanah.

Secara keseluruhan, program ini telah berjaya dilaksanakan dan mendapat maklum balas positif daripada para peserta. Mereka berpendapat bahawa program ini selain berjaya meningkatkan pengetahuan dalam aktiviti perumahan, ia juga amat bertepatan dalam memberikan pelbagai manfaat terutama kepada koperasi yang telah dan akan menceburi bidang perniagaan dalam industri perumahan.



Sebahagian peserta yang turut hadir

BICARA ILMU: KEMULIAAN MENJAGA WARGA EMAS “KEBAJIKAN WARGA EMAS TANGGUNGJAWAB KITA”

Oleh: Dinah Nabilah Mokhtaruddin, Pusat Pengurusan Perniagaan

Bersempena dengan bulan Ramadhan bertarikh 17 Julai 2014, satu program Bicara Ilmu telah diadakan di bawah anjuran Pusat Pengurusan Perniagaan (COB) bertajuk ‘Kebajikan Warga Emas Tanggungjawab Kita’ bertempat di Auditorium Dato’ A. Majid, MKM. Program ini telah dihadiri seramai 301 orang peserta di sekitar Kuala Lumpur, Selangor dan Negeri Sembilan. Program ini telah dirasmikan oleh YBhg. Prof. Madya Dr. Abdul Rahman Abdul Razak Shaik, Ketua Pengarah MKM. Turut hadir ialah YBhg. Dato’ Syed Mohd Ghazali Wafa, Ketua Pegawai Eksekutif KOPSYA, pegawai-pegawai kanan SKM, ANGKASA dan pegawai MKM sendiri.

Objektif utama program ini adalah untuk memberi kesedaran kepada gerakan koperasi kepentingan penjagaan terhadap warga emas dari segi kebajikan mereka dan sebagai

Objektif utama program ini adalah untuk memberi kesedaran kepada gerakan koperasi kepentingan penjagaan terhadap warga emas dari segi kebajikan mereka dan sebagai peringatan kepada para koperasi kepentingan mengurus warga emas adalah sebagai salah satu tanggungjawab komuniti.



Pn. Hjh Asral Windad Ahmad Asnawi
daripada Darul Insyirah

peringatan kepentingan mengurus warga emas adalah sebagai salah satu tanggungjawab komuniti. Di samping itu juga, program ini adalah untuk memberi pendedahan terhadap penjagaan warga emas sebagai satu peluang perniagaan kepada koperasi yang berlandaskan syariat Islam dan juga sebagai kebajikan kepada masyarakat.

Program Bicara Ilmu ini telah dimulakan dengan penceramah yang pertama iaitu wakil daripada Pusat Jagaan & Pendidikan Warga Emas Darul Insyirah seramai tiga orang iaitu Pn. Hjh Asral Widad Ahmed Asnawi, Pn. Hjh Siti Nadzrah Sheh Omar dan Ustazah Norsaleha Mohd Salleh. Kertas kerja ini mengupas suatu perkongsian pengalaman para penceramah dalam pembabitan awal pembukaan pusat jagaan ini dan keadaan kawasan pusat



YBhg. Prof. Dr. Mohd Ridhuan Tee Abdullah dan En. Shamsul Khairi Abu Hassan semasa sesi soal jawab



Penceramah ke-2, YBhg. Prof. Dr. Mohd Ridhuan Tee Abdullah

jagaan yang dikelolakan oleh mereka. Pembentangan sesi kedua diteruskan dengan penceramah yang dikenali ramai iaitu YBhg. Prof. Dr. Mohd Ridhuan Tee Abdullah, pensyarah daripada Universiti Sultan Zainal Abidin Terengganu (UNISZA). Kertas kerja kedua ini menekankan lebih kepada penjagaan kita terhadap warga emas terutamanya ibu bapa kita sendiri dari segi peranan dan tanggungjawab kita sebagai seorang anak. Beliau juga menyampaikan betapa besarnya pengorbanan ibu bapa terhadap anak-anak dalam menjaga kita daripada kecil sehinggalah dewasa. Penerapan nilai-nilai murni perlulah ada dalam setiap insan dalam penjagaan warga emas.

Selepas sesi pembentangan tamat, sesi soal jawab telah diadakan bagi

mendapat maklum balas dan juga perkongsian terhadap tajuk yang telah dibentangkan. Segala persoalan dan pendapat yang diberikan telah dijawab dengan baik oleh pihak pembentang dan juga akan digunakan di masa hadapan untuk memajukan lagi gerakan koperasi di Malaysia.

Secara keseluruhannya, program Bicara Ilmu ini telah banyak memberikan kesedaran dan keinsafan kepada para peserta tentang betapa besarnya

tanggungjawab seorang anak untuk menjaga warga emas terutamanya ibu bapa kita sendiri. Di sini juga dapat dilihat tentang potensi peluang perniagaan kepada para koperator yang ingin membuka pusat jagaan warga emas. Diharapkan program ini akan menjadi satu cetusan minda terhadap para koperator untuk memajukan lagi koperasi masing-masing, di samping dapat memberikan kesedaran dan keinsafan dalam diri masing-masing.



Pn. Noor Zeeta (Pegawai Pusat Pengurusan Perniagaan MKM, kanan sekali) dan wakil dari Darul Insyirah semasa sesi soal jawab



Sebahagian daripada para peserta yang hadir



Prof. Dr. Mohd Ridhuan Tee Abdullah bergambar bersama Ketua Pengarah Eksekutif KOPSYA (tiga dari kiri), Ketua Pengarah MKM (tengah), Timbalan Ketua Pengarah (Akademik) MKM (lima dari kanan) dan pegawai latihan Pusat Pengurusan Perniagaan MKM

BICARA PROFESIONAL “WANITA PEMACU TRANSFORMASI KOPERASI”

oleh : Nur Shuhada Mohd Ali
Pusat Tadbir Urus dan Perundangan Koperasi



Ketua Pengarah MKM merasmikan majlis



Tetamu VIP yang turut hadir

Sejajar dengan itu, pada 25 September 2014, telah berlangsung program Bicara Profesional bertemakan “Wanita Pemacu Transformasi Koperasi” anjuran Pusat Tadbir Urus dan Perundangan Koperasi, Maktab

Koperasi Malaysia (MKM) di Hotel Crystal Crown, Petaling Jaya, Selangor. Program ini diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan berkaitan kepimpinan wanita dalam gerakan koperasi, meningkatkan pengetahuan

Kadar jangkaan peratusan penduduk wanita akan meningkat daripada 48.5 peratus kepada 49.2 peratus bagi tempoh 2010 hingga 2040. Berdasarkan statistik Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) pula, sehingga Jun 2014 terdapat 210 buah koperasi wanita ditubuhkan. Jumlah ini menunjukkan wanita mampu menjadi penggerak ekonomi berkesan dan dapat memacu transformasi dalam sektor koperasi.

Wanita pada hari ini merupakan penggerak berkesan bagi pertumbuhan ekonomi selaras dengan peningkatan jumlah penduduk wanita iaitu berdasarkan laporan kiraan banci 2010 dari Jabatan Perangkaan Negara menunjukkan bahawa jumlah penduduk di Malaysia adalah seramai 28.3 juta penduduk iaitu terdiri daripada 13.77 juta penduduk wanita dan selebihnya adalah penduduk lelaki.



Pn. Suwaibah bt. Muhammad



Dari kiri : Pn. Suwaibah Muhammad, Pn. Norwatim Hj. Abd Latiff dan Pn. Siti Zainab Md. Taib

tentang peranan wanita dalam pengurusan koperasi dan memberi kefahaman kepada koperator berkaitan tanggungjawab anggota dalam gerakan koperasi.

Program ini telah dihadiri oleh 212 orang peserta yang terdiri daripada Anggota Lembaga Koperasi (ALK), pengurus dan tenaga kerja kanan koperasi, jawatankuasa audit dalaman (JAD), ahli jawatankuasa koperasi dan anggota koperasi serta pegawai-pegawai dari agensi kerajaan yang menyelia koperasi khususnya di negeri Selangor, Wilayah Persekutuan, Perak dan Negeri Sembilan. Program ini dirasmikan oleh Profesor Madya Dr. Abdul Rahman bin Abdul Razak Shaik, Ketua Pengarah, MKM.

Bicara Profesional ini dikendalikan oleh Pn. Norwatim bt. Hj. Abdul Latiff, Timbalan Ketua Pengarah (Akademik), MKM selaku moderator dan dua

orang penceramah jemputan yang telah berkongsi ilmu dalam program ini. Penceramah pertama ialah Pn. Suwaibah bt. Muhammad Nasir AMN, selaku Pengerusi Koperasi Anggota Pranita Angkatan Tentera Malaysia Berhad (Copranita) dan merupakan pelari solo Malaysia. Perkongsian beliau adalah berkenaan pengalaman sebagai wanita dalam gerakan koperasi serta pencapaian yang telah diraih sebagai pelari solo Malaysia dan beliau turut menekankan kepentingan karbon sifar yang disasarkan sepenuhnya pada tahun 2030 di Malaysia. Penceramah kedua ialah Pn. Siti Zainab bt. Md. Taib PJK, selaku Setiausaha Kehormat, Koperasi Wanita Pulau Pinang Berhad yang memberi taklimat berkaitan isu dan cabaran wanita dalam gerakan koperasi, wanita sebagai penggerak ekonomi negara, wanita perlu lebih proaktif, inovatif, multitasking dan wanita sebagai pemangkin pembangunan koperasi.

Selain itu, beliau turut menyatakan impak transformasi bergantung kepada pemimpin dan anggota yang terlibat dalam gerakan koperasi.

Secara keseluruhannya, program ini telah berjalan lancar dan efektif dengan komitmen daripada semua peserta yang hadir. Program ini telah berlangsung dengan suasana yang sangat memberangsangkan, perkongsian maklumat dan cadangan yang bernas serta sesi soal jawab berjalan dengan aktif.

Justeru, dengan penganjuran program ini diharap dapat memberi manfaat kepada semua peserta dalam melahirkan pemimpin koperasi yang dapat menerajui arus transformasi. Program ini turut membantu gerakan koperasi dengan perkongsian ilmu yang berguna untuk lebih berdaya maju, berdaya saing, kreatif dan inovatif.

BICARA PROFESIONAL



Penggunaan transaksi perniagaan secara dalam talian di Malaysia kini sedang berkembang dan meningkat setiap tahun. Menurut satu kajian yang dijalankan oleh *Internet World Statistic* sehingga 31 Disember 2013, jumlah pengguna Internet di Malaysia telah meningkat secara drastik iaitu sebanyak 20.2 juta pada tahun 2013 berbanding hanya 3.7 juta orang pengguna pada tahun 2000, peningkatan sebanyak 545%. Tren ini dijangka berterusan memandangkan terdapat peningkatan dalam perkhidmatan yang ditawarkan secara dalam talian yang boleh dicapai melalui komputer atau *smartphone*.

Ini jelas memberi petunjuk bahawa rakyat Malaysia kini semakin mendampingi teknologi dan secara tidak langsung membuka peluang kepada koperasi untuk menawarkan perkhidmatan dan barangan mereka melalui mod dalam talian. Strategi pemasaran perniagaan yang diguna pakai oleh koperasi perlu diubah agar dapat mengadaptasi unsur-unsur dalam talian dan seterusnya memenuhi kehendak pengguna. Koperasi perlu mengambil kesempatan ini untuk meningkatkan pendapatan mereka

memandangkan kos transaksi bagi mod perdagangan (*e-commerce*) dalam talian adalah jauh lebih rendah berbanding dengan mod konvensional. Ini jelas menunjukkan bahawa sektor koperasi perlu merebut peluang yang ada dalam mengembangkan perniagaan masing-masing. Sebagaimana kita sedia

maklum, Kerajaan telah mengambil pelbagai langkah bagi memastikan perdagangan dalam talian di negara ini berkembang dengan pesat. Langkah-langkah tersebut dapat meningkatkan pertumbuhan sektor perdagangan dalam talian dan memberi faedah kepada pengguna.



Dari kiri: Puan Syakirah Abdul Karim (Pembentang), Puan Najmah Nawawi (Moderator) dan Encik Mohamad Faizal Hashim (Pembentang)



Peserta mengajukan soalan

Sehubungan itu, Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) sekali lagi berjaya mengadakan Bicara Profesional (BP) bertajuk **Google: Marketing for business** pada 16 Oktober 2014 dengan penyertaan seramai 204 orang di Auditorium Dato' A. Majid, Maktab Koperasi Malaysia (MKM) yang dirasmikan oleh Prof Madya Dr. Abdul Rahman bin Abdul Razak Shaik, Ketua Pengarah MKM. Peserta yang hadir terdiri daripada ALK, anggota koperasi, kakitangan koperasi dan usahawan yang amat berpuas hati dengan pembentangan yang diberi oleh mereka yang pakar dan berpengalaman dengan aplikasi Google. Penceramah BP yang dijemput pada kali ini ialah Pn. Syakirah binti Abdul Karim, Certified Online Marketing Consultant dari Minda Trafik Dot Com, En. Mohamad Faizal bin Hashim,

Koperasi perlu mengambil kesempatan ini untuk meningkatkan pendapatan mereka memandangkan kos transaksi bagi mod perdagangan (e-commerce) atas talian adalah jauh lebih rendah berbanding dengan mod konvensional.

Pengarah Urusan dari MumDreams Concept Sdn. Bhd. dan Pn. Najmah Nawawi, Pengarah ICT pula sebagai moderator. Mereka berjaya berkongsi pandangan, pengetahuan, pengalaman dan kepakaran masing-masing. BP ini diakhiri dengan sesi soal jawab. Topik yang telah dibentangkan sepanjang BP ini berlangsung ialah:

1. Google: Aplikasi Percuma Untuk Pemasaran Perniagaan
2. Perkongsian Pengalaman: Google Mengubah Perniagaan Saya

Tidak dapat dinafikan, aplikasi Google kini merupakan sebuah aplikasi yang semakin pesat berkembang dan ia secara langsung dapat membantu dalam memasarkan produk dan perkhidmatan koperasi. Dengan mengaplikasikan peralatan percuma yang disediakan oleh Google, semestinya ia akan dapat memberikan impak dan nilai yang cukup besar dalam operasi perniagaan jika koperasi dapat memanfaatkan dengan sebaik yang mungkin. Tidak mustahil bagi koperasi selepas ini beralih daripada cara konvensional kepada dalam talian dengan menggunakan aplikasi Google dalam memasarkan perniagaan koperasi dengan mengambil kira semua aspek yang telah dibincangkan dalam program ini. Diharapkan agar para peserta dapat pulang dengan membawa idea dan pengalaman masing-masing yang diperoleh sepanjang program ini berlangsung untuk diguna pakai dalam perniagaan masing-masing khususnya dalam menjalankan perniagaan koperasi.

Majlis Ramah Mesra YB Dato' Sri Hasan bin Malek Menteri PDNKK bersama Warga Kerja dan Pelajar MKM 22 JANUARI 2015



**Majlis Ramah Mesra YB Dato' Sri Hasan bin Malek
Menteri PDNKK bersama
Warga Kerja dan Pelajar MKM
22 JANUARI 2015**



**KONVENSYEN TRANSFORMASI
MODAL INSAN KOPERASI
27 NOV 2014**



JOM BERKURSUS DI MKM



Hari Warga Kerja Sempena Ulang Tahun MKM Ke-58 15 NOV 2014



Konvensyen Pembudayaan Keusahawanan Koperasi Sekolah dan Koperasi Siswa Peringkat Kebangsaan 2014 9 NOV 2014



Hari Koperasi Negara 2014 24 OGOS 2014

Lawatan Ke Media Prima Berhad 18 OGOS 2014





Ucapan Perasmian oleh YBhg. Dato' Syed Kamarulzaman bin Dato Syed Zainol Khodki Shahabudin, Pengarah Urusan Perbadanan Nasional Berhad (PNS)

Forum Profesional “POTENSI PENGLIBATAN KOPERASI DALAM PERNIAGAAN SISTEM FRANCAIS”

oleh : Norhayati Abdul Rahman
Pusat Pengurusan Perniagaan

Gerakan koperasi di Malaysia sudah bertapak hampir 90 tahun semenjak penubuhan koperasi pertama di Tanah Melayu pada tahun 1922. Sejak dari itu dapat dilihat perkembangan positif dalam gerakan koperasi iaitu dari sudut keanggotaan mahupun bilangan koperasi. Dalam era globalisasi ini gerakan koperasi seharusnya merancang pelan transformasi ke arah perniagaan yang lebih berdaya saing seiring dengan lain-lain perniagaan politik dan persekitaran termasuklah

proses liberalisasi pasaran, kemunculan teknologi baru dan perkembangan ICT menuntut koperasi memperkukuhkan kedudukan dan meningkatkan daya saing dan daya tahan.

“Potensi Penglibatan Koperasi Dalam Perniagaan Sistem Francais” merupakan tajuk Forum Profesional yang telah diselenggarakan oleh Pusat Pengurusan Perniagaan (CoB) MKM, pada 9 Oktober 2014. Forum profesional ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Syed Kamarulzaman bin Dato Syed Zainol Khodki Shahabudin, Pengarah Urusan

Dalam era globalisasi ini gerakan koperasi seharusnya merancang pelan transformasi ke arah perniagaan yang lebih berdaya saing seiring dengan lain-lain perniagaan yang wujud.




Panel pembentang bersama moderator



Ketua Pengarah MKM (dua dari kiri) bersama Pengarah Urusan PNS (kiri) dan tetamu yang hadir

Perbadanan Nasional Berhad (PNS). Program kerjasama MKM dengan PNS ini telah diadakan di Menara PNS, Bangsar South City Kuala Lumpur. Program ini telah berjaya menarik penyertaan koperasi dari sekitar Lembah Klang, Pahang, Kelantan, Terengganu, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor. Seramai 225 orang koperasi telah menyertai Forum Profesional ini yang kebanyakannya terdiri daripada Anggota Lembaga Koperasi (ALK), pengurus, jawatankuasa kecil projek, pegawai-pegawai agensi kerajaan yang



Wakil francaisor Gloria Jean's Coffee



Ketua Pengarah MKM menerima cenderahati daripada Pengarah Urusan PNS

terlibat dalam pembangunan koperasi dan anggota koperasi. Turut hadir sama dalam program tersebut adalah wakil-wakil dari Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan ANGKASA.

Objektif program ini adalah untuk memberi kefahaman tentang perniagaan francais kepada koperasi dan potensi peluang penglibatan koperasi dalam perniagaan francais. Selain itu juga, koperasi mendapat banyak maklumat berkaitan perniagaan francais yang disediakan khusus oleh PNS untuk koperasi. PNS adalah agensi di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) yang diberi mandat untuk menerajui pembangunan industri francais di Malaysia dan berperanan menggalakkan pertumbuhan usahawan dan koperasi dalam perniagaan francais.

Objektif program ini adalah untuk memberi kefahaman tentang perniagaan francais kepada koperasi dan potensi peluang penglibatan koperasi dalam perniagaan francais.

Penglibatan koperasi menceburi bidang francais ini akan mendedahkan anggota-anggota koperasi kepada sistem perniagaan yang lebih sistematik dalam menjana keuntungan dan memberi manfaat kepada mereka. Di samping membuka peluang perniagaan, bidang

Tajuk Forum Profesional	Nama Pembentang
Potensi Penglibatan Koperasi Dalam Perniagaan Sistem Francais	<p>Ahli Panel:</p> <ol style="list-style-type: none"> En. Zafrul Azman bin Mohamed Azrai Pengurus Jabatan Pemasaran Perbadanan Nasioanal Berhad (PNS) En. Ahmad Puad bin Abu Bakar Pengurus Operasi & Kewangan MyFranchise Sdn. Bhd (Francaisor – Gloria Jean’s Coffee) En. Irwan bin Bakar Pemilik Platinum Teguh Sdn. Bhd (Francaisi – Gloria Jean’s Coffee) <p>Moderator: Pn. Norwatim Hj. Abd. Latiff Timbalan Ketua Pengarah (Akademik) Maktab Koperasi Malaysia</p>

francais turut menawarkan peluang pekerjaan kepada anggota koperasi itu sendiri sekaligus merealisasikan impian menghasilkan negara berpendapatan tinggi. Bagi tujuan menggalakkan koperasi menyertai perniagaan francais, PNS telah memperuntukkan pembiayaan sehingga RM2 juta. Semoga usaha untuk mempelbagaikan sumber

pendapatan masyarakat khususnya anggota koperasi dapat menjadi realiti. Sepanjang separuh hari program berlangsung terdapat tiga pembentangan iaitu wakil PNS, francaisor dan francaisi oleh perniagaan francais Gloria Jean’s Coffee. Pelbagai soalan, pandangan dan cadangan telah dikemukakan oleh

para peserta sepanjang sesi soal jawab berlangsung. Di samping penglibatan aktif para peserta, pembentangan yang berkesan telah berjaya memberikan impak yang positif kepada semua peserta yang hadir dalam usaha menggalakkan koperasi menceburi perniagaan sistem francais.



Tetamu VIP yang hadir

oleh : Noranita Mohd Nor
Pusat Perakaunan dan Kewangan

Goods and Services Tax (GST) merupakan cukai yang dikenakan ke atas bekalan barangan dan perkhidmatan di setiap peringkat bekalan, daripada pembekal sehingga peringkat peruncit. GST dicadang untuk menggantikan cukai penggunaan semasa iaitu cukai jualan dan cukai perkhidmatan untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem percukaian sedia ada. Sehingga kini, terdapat sebanyak 160 buah negara di serata dunia telah melaksanakan GST. Berdasarkan

pengamatan umum, adaptasi GST di negara-negara ini telah membuktikan bahawa sistem cukai ini lebih baik kerana ia lebih berkesan, cekap, telus dan mesra perniagaan dan boleh merangsang pertumbuhan ekonomi serta meningkatkan daya saing dalam pasaran global.

Sehubungan itu, beberapa siri taklimat GST telah dikendalikan oleh Maktab Koperasi Malaysia (MKM) bagi memberi pendedahan dan pengetahuan kepada para koperator

di seluruh Malaysia mengenai konsep, isu dan kesan pelaksanaan GST kepada koperasi. Sebanyak 12 buah program telah dijalankan dari bulan Ogos hingga Disember 2014 khusus bagi memberi pencerahan mengenai GST kepada anggota koperasi yang juga pengguna pada masa yang sama. Penceramah yang dijemput untuk memberi penerangan mengenai GST ini terdiri daripada pegawai-pegawai Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. Umumnya peserta didedahkan dengan konsep GST, perakaunan untuk GST, kesan GST kepada koperasi serta Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan.

Secara keseluruhannya, diharapkan program yang dianjurkan ini dapat membuka minda para koperator dengan lebih jelas dan faham tentang GST dan seterusnya bertindak menjadi agen kepada Kerajaan untuk menyampaikan maklumat tepat tentang GST kepada rakan sekerja, ahli keluarga, jiran tetangga dan rakyat amnya.

Program GST pada bulan Ogos - Dis 2014

BIL	TARIKH PROGRAM	TEMPAT
1.	8 Ogos 2014	Melang Inn, Kuala Pilah, Negeri Sembilan
2.	17 Sept 2014	Bella Vista, Pulau Langkawi, Kedah
3.	24 Sept 2014	Bukit Merah Lake Town Resort, Bukit Merah, Perak
4.	8 Oktober 2014	Bayou Lagoon Park Resort, Melaka
5.	30 Oktober 2014	Bintulu, Sarawak
6.	2 November 2014	MKM Kampus Utama, Petaling Jaya
7.	3 November 2014	Beaufort, Sabah
8.	6 Disember 2014	Keningau, Sabah
9.	9 Disember 2014	Sandakan, Sabah
10.	18 Disember 2014	Kota Bharu, Kelantan
11.	18 Disember 2014	Subang, Selangor
12.	19 Disember 2014	MKM Kampus Utama, Petaling Jaya

PROGRAM KUMPULAN KEPAKARAN KESIHATAN DI KOREA SELATAN



oleh : Noranita Mohd Nor
Pusat Perakaunan dan Kewangan

Sesi taklimat oleh pegawai kanan Anseong Health & Welfare Cooperative

Selaras dengan Teras Strategik III Dasar Koperasi Negara 2011-2020, Maktab Koperasi Malaysia (MKM) telah diberi tanggungjawab untuk mewujudkan dan meningkatkan keupayaan modal insan koperasi di negara ini. Bagi memenuhi hasrat ini, MKM telah memperkenalkan “Kumpulan Kepakaran” bagi pegawai-pegawai latihan mengikut Bidang Keberhasilan Utama Ekonomi (National Key Economic Area) (NKEA), Dasar Koperasi Negara (DKN).

Justeru, pada kali ini, MKM telah menghantar dua orang pegawai latihan daripada kumpulan kepakaran bidang pelancongan, penjagaan diri dan kesihatan, menyertai program khusus bidang kesihatan selama 10 hari, bermula dari 29 Oktober 2014 sehingga 7 November 2014 bertempat di Korea Selatan. Pegawai yang terlibat dalam program kepakaran ini ialah

Pn. Rafedah Juhan, pegawai latihan Pusat Perakaunan dan Kewangan dan Pn. Rohalinda Ahad, pegawai latihan Pusat Pengurusan Perniagaan.

Tujuan program ini diadakan untuk mendapatkan maklumat kepakaran dalam bidang penjagaan diri dan kesihatan yang diamalkan dan dilaksanakan oleh koperasi di Korea Selatan. Di samping itu, diharapkan agar amalan penjagaan diri dan kesihatan berkesan yang dipelajari dalam program kepakaran ini boleh diadaptasikan kepada koperasi yang menjalankan aktiviti penjagaan diri dan kesihatan di Malaysia supaya mereka dapat melaksanakan aktiviti ini dengan lebih berkesan dan akhirnya menyumbang kepada KDNK negara.

Menerusi program kepakaran ini, MKM dengan kerjasama Korea Health &

Welfare Federation (KHWF) telah mengaturkan lawatan kerja ke tiga (3) buah organisasi iaitu (i) Anseong Health & Welfare Cooperative, (ii) Seoul Health & Welfare Cooperative dan (iii) Korea Health & Welfare Federation (KHWF) di wilayah Anseong dan Seoul, Korea Selatan.

Program kepakaran ini memberi banyak maklumat dan meningkatkan ilmu pengetahuan pegawai latihan MKM mengenai budaya masyarakat Korea yang sangat mementingkan penjagaan kesihatan. Pendekatan aktiviti-aktiviti pendidikan kesihatan yang dilaksanakan secara agresif oleh koperasi kesihatan di Korea ternyata memberi kesedaran bahawa kesihatan sangat penting dalam kehidupan ibarat kata pepatah, “mencegah adalah lebih baik daripada merawat”.



Suasana salah satu klinik kesihatan koperasi



Ruangan menunggu di klinik kesihatan koperasi



Bilik salah seorang doktor



Ruangan khas untuk kanak-kanak



Peralatan-peralatan yang terdapat di klinik



Sesi taklimat dan lawatan di Seoul Health & Welfare Cooperative



Mr. Choi daripada Korea Health & Welfare Federation (KHWF)



Penyampaian cenderahati daripada MKM

Bicara Profesional: “Koperasi Jalan Ke Syurga”

Oleh: Adila Hashim, MKM Cawangan Selatan

Maktab Koperasi Malaysia Cawangan Selatan (MKMCS) telah melaksanakan program Bicara Profesional yang bertajuk “Koperasi Jalan Ke Syurga” pada 7 Julai 2014. Program ini telah dilaksanakan di Hotel Selesa Johor Bahru, Johor. Ucapan aluan disampaikan oleh Pn. Roziah Mohamed, Pengarah MKMCS dan seramai 219 orang peserta telah menyertai program ini yang kebanyakannya terdiri daripada Anggota Lembaga Koperasi (ALK), jawatankuasa audit dalaman (JAD) koperasi, anggota koperasi, pengurus dan kakitangan koperasi. Turut hadir sama dalam program tersebut ialah pegawai-pegawai dari Pejabat Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi

dan Kepenggunaan (KPDNKK) Johor, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Negeri Johor, Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Negeri Johor, Majlis Amanah Rakyat (MARA), Tekun Nasional Negeri Johor, dan Persatuan Kebajikan Pengguna Johor (NGO).

Objektif program ini adalah untuk memperingatkan ALK dan anggota tentang keperluan supaya mereka berintegriti dan mempunyai akauntabiliti dalam melaksanakan tugas-tugas yang diamanahkan kepada mereka dan ianya juga pendedahan kepada anggota-anggota koperasi



Ucapan aluan oleh Puan Roziah Mohamed, Pengarah MKM Cawangan Selatan

tentang manfaat dan kebaikan berkoperasi. Bicara profesional ini telah disampaikan oleh YBhg. Dato` Haji Nooh bin Gadot, Penasihat Agama kepada DYMM Sultan Johor merangkap Penasihat Majlis Agama Islam Negeri Johor. Beliau berpengalaman sebagai pakar rujuk, ilmuwan hadis dan panel undang-undang syariah. Beliau juga merupakan salah seorang panel syariah di dalam Koperasi Permodalan Melayu Negeri Johor (KPMNJ) di mana ia merupakan salah satu koperasi yang dianggap berjaya di Johor.

Tajuk “Koperasi Jalan Ke Syurga” dipilih sendiri oleh YBhg. Dato` dan sepanjang program berlangsung selama satu setengah jam banyak input-input yang dikongsi di mana beliau menerangkan

tentang kualiti unggul koperasi berteraskan amalan perniagaan mengikut syariah Islam dan kepentingan akauntabiliti dan integriti di dalam koperasi. Beliau juga menyeru agar kesatuan, perpaduan serta kerjasama di dalam koperasi dapat diteruskan dari semasa ke semasa. Beliau juga memberi peringatan tentang akhlak-akhlak Islam yang perlu dipupuk, jangan lalai dengan peranan sebagai seorang pemimpin (hendaklah adil dan saksama) dan hendaklah membawa hala tuju koperasi ke arah yang berlandaskan kepada kebaikan, manfaat seterusnya berlandaskan perundangan di dunia dan di akhirat.

Secara keseluruhannya, program ini telah membuka minda para koperator dan hadirin yang hadir berkenaan tanggungjawab manusia sebagai



Sebahagian peserta yang hadir

khalifah (pemimpin), kesedaran tentang kepentingan kesatuan dan kerjasama, serta menjaga perpaduan ke arah

mendapat keberkatan hidup di dunia dan di akhirat.



YBhg. Dato` Haji Nooh bin Gadot menyampaikan ceramah kepada peserta program Bicara Profesional



Penyampaian cenderahati kepada penceramah jemputan



Kaunter zakat yang dibuka bagi mendapatkan penerangan berkenaan zakat

BICARA PROFESIONAL : POTENSI KOPERASI DALAM PERNIAGAAN "ONLINE"

Oleh : Frank Me-ol Abdullah, MKM Cawangan Sarawak

Pada 26 Ogos 2014, telah berlangsung program Bicara Profesional (BP) bertemakan "Potensi Koperasi Dalam Perniagaan Online" di Hotel Kingwood, Sibul, Sarawak. Seramai 209 orang peserta daripada lebih 40 buah koperasi dari seluruh Sarawak telah turut sama memeriahkan BP tersebut.

Program ini telah dirasmikan oleh Ketua Pengarah MKM, YBhg. Prof. Madya Abdul Rahman Abdul Razak Shaik yang turut dihadiri oleh beberapa tetamu kehormat antaranya En.Vincent Lejau Ketua Cawangan MYIPO Sarawak, En.Berahim Hossen, Penolong Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)

Cawangan Sibul, Tn. Hj. Ramli bin Bakri, Timbalan Pengerusi Perhubungan ANGKASA Negeri Sarawak dan dua orang pembentang kertas kerja iaitu En. Ali Hanafiah bin Daud, Pengarah Urusan FBO Marketing Sdn. Bhd. dan Pn. Salmi Saznira binti Yaacob Pengarah Urusan Salmi Brooch Company.

Objektif utama program Bicara Profesional ini adalah untuk memberi pendedahan peluang dan potensi perniagaan 'online' kepada para koperator. Selain itu koperator turut didedahkan secara teknikal kaedah pemasaran 'online' menggunakan medium 'facebook'. Dalam masa yang sama, program tersebut juga diharap



Ketua Pengarah MKM

dapat mewujudkan jalinan kerjasama antara koperasi dengan koperasi serta syarikat swasta selaras dengan prinsip keenam koperasi (Bekerjasama di antara koperasi).

Melihat kepada tajuk Bicara Profesional, adalah menjadi peranan MKM untuk terus mengetengahkan idea-idea dan pendekatan baru dalam memacu perniagaan koperasi dan bidang perniagaan melalui 'online', salah satu daripada bidang yang kian mendapat tempat dewasa ini yang tidak boleh dilepaskan oleh para koperator. Ini terbukti melalui statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan dalam Laporan Ekonomi 2013/2014 menyatakan bahawa pengguna internet di Malaysia akan meningkat kepada 25 juta orang pada tahun 2015 berbanding hanya 18 juta orang pada tahun 2012.

Kadar penembusan jalur lebar isi rumah juga meningkat kepada 66.8 peratus sehingga Jun 2013 manakala penembusan jalur lebar melalui telefon mudah alih melebihi 100 peratus dengan jumlah langganan sebanyak 42.6 juta. Statistik turut menyatakan kebanyakan pengguna internet di Malaysia adalah pembeli berbanding penjual dan nilai dagangan dalam talian



Peserta mengajukan soalan

di Malaysia dijangka meningkat kepada RM5 bilion pada tahun ini berbanding hanya RM1.8 bilion pada tahun 2010. Kadar penggunaan dan perniagaan 'online' yang berkembang terlalu pesat ini seharusnya dijadikan peluang oleh sektor koperasi dan perlu direbut bersama dengan sektor lain seperti swasta dan kerajaan. Keseriusan pihak kerajaan bagi menggalakkan penglibatan koperasi dalam perniagaan tersebut dapat dilihat dalam Dasar Koperasi

Statistik turut menyatakan kebanyakan pengguna Internet di Malaysia adalah pembeli berbanding penjual dan nilai dagangan dalam talian di Malaysia dijangka meningkat kepada RM5 billion pada tahun ini berbanding hanya RM1.8 billion pada tahun 2010

Negara Kedua (DKN II) dalam Teras Strategik Pertama iaitu kerajaan menggalakkan sektor koperasi terus melabur dalam bidang baru berteknologi tinggi dan Teras Strategik Kedua pula menekankan agar koperasi mengaplikasikan teknologi moden dalam perniagaan seharian. Koperasi harus sedar bahawa penggunaan internet dalam perniagaan seharian bukan sahaja menjanjikan pulangan yang lumayan disebabkan oleh kadar capaian pelanggan yang lebih besar untuk mempromosi produk koperasi bahkan menjimatkan kos dalam jangka masa panjang.



Pendedahan secara praktikal dan perkongsian pengalaman oleh kedua-dua pembentang kertas kerja diharap mampu membuka mata para koperator di Sarawak khasnya bahawa koperasi mempunyai kemampuan dan potensi untuk menjalankan perniagaan tersebut. Secara keseluruhannya program ini telah membuka asas dan ruang untuk para koperator mendapatkan idea, cadangan dan maklum balas positif berkenaan industri tersebut. Diharapkan segala maklumat yang diperolehi menjadi satu bekalan untuk para koperator sebagai persediaan sebelum memulakan perniagaan tersebut bagi memastikan sektor koperasi terus membangun dan menyumbang kepada negara.



Encik Ali Hanafiah Daud, Pengarah Usan FBO Marketing Sdn. Bhd.

*Bicara Profesional:***Usahawan Penternakan:
Peluang Perniagaan Koperasi**

oleh : Malesa Shela Ta'yib
MKM Cawangan Timur



Perasmian oleh YB Dato' Haji Shahiruddin bin Ab. Moin, Pengerusi Jawatankuasa Koperasi, Keusahawanan dan Kepenggunaan Negeri



Dr. Azizol menyampaikan ceramahnya kepada peserta

Pada 30 Oktober 2014 telah berlangsung satu program Bicara Profesional yang bertajuk **Usahawan Penternakan: Peluang Perniagaan Koperasi** bertempat di Hotel Vistana, Kuantan, Pahang. Program Bicara Profesional (BP) kali ini merupakan program kali kedua seumpamanya diadakan. Bezanya kali ini, MKM Cawangan Timur memfokuskan bidang penternakan sebagai tajuk perbincangan utama yang berlangsung selama setengah hari. MKM Cawangan Timur turut mensasarkan program ini khususnya kepada koperator-koperator di sekitar negeri Pahang, Terengganu dan Kelantan.

BP ini telah dirasmikan oleh YB Dato' Haji Shahiruddin bin Ab. Moin,

Pengerusi Jawatankuasa Koperasi, Keusahawanan dan Kepenggunaan Negeri Pahang. Turut hadir Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Negeri Pahang, Encik Mohamad Zawawi bin Mahmud, Pengarah Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MYIPO) Negeri Pahang, Puan Nur Saidatun Sheila binti Talib, serta wakil-wakil dari Pejabat Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan (PPDNKK) dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) Negeri Pahang.

Tajuk yang dipilih kali ini bertujuan mengenal pasti peluang dan ruang yang boleh diambil oleh koperasi dalam sektor penternakan di Malaysia. Selain itu, program ini turut mengenal pasti isu dan cabaran yang perlu

diberi perhatian oleh koperasi bagi menjadikan sektor penternakan sebagai satu aktiviti yang mampu menyumbang kepada ekonomi anggota. Sektor penternakan seharusnya menjadi tumpuan aktiviti koperasi kerana terdapatnya permintaan yang tinggi terhadap bekalan daging mentah dalam kalangan masyarakat Malaysia.

Seramai 330 orang koperator yang terlibat secara aktif dalam gerakan koperasi yang terdiri daripada Anggota Lembaga (ALK) dan anggota-anggota koperasi telah menghadiri program ini. Pengisian selama hampir 4 jam telah disampaikan oleh penceramah jemputan, Dr. Azizol bin Mohd Sharun yang merupakan pesara kerajaan yang masih lagi berkhidmat separuh masa



Antara peserta yang hadir



En. Badri bin Yunus, Setiausaha Koperasi Keluarga Nikmat Bhd berkongsi pengalaman bersama-sama koperator

sebagai Pengurus Teknikal Ternakan di Pertubuhan Peladang Negeri Pahang (PASFA) yang mempunyai pengalaman luas dalam bidang penternakan dalam pelbagai sektor termasuk ruminan, bukan-ruminan, perladangan ternakan, industri hiliran dan pembangunan usahawan. Pengalaman beliau yang pernah berkhidmat di Jabatan Perkhidmatan Veterinar (negeri dan persatuan) selama hampir 30 tahun menjadikan beliau seorang yang begitu berpengalaman dalam bidang ini.

Selain itu, MKM Cawangan Timur turut menjemput wakil dari Koperasi Keluarga Nikmat Kuantan Berhad bagi berkongsi pengalaman dalam sektor penternakan ini. Selain mempunyai ladang ternakan ayam sendiri, Setiausaha koperasi, En. Badri bin Yunus juga mempunyai lima tahun pengalaman memberi khidmat nasihat dan kursus dalam sektor penternakan ini. Sehingga kini, koperasi ini menjadi antara koperasi paling berjaya dalam sektor penternakan di Pahang.

Secara keseluruhannya, program ini telah membuka minda para koperator bahawa sektor penternakan ini

merupakan sektor bernilai tinggi yang mampu memberi pulangan yang lumayan jika diusahakan dengan cara yang betul. Kemahiran serta ilmu pengetahuan berkaitan penternakan perlulah dituntut supaya aktiviti atau perniagaan yang ingin dijalankan berjaya mendatangkan hasil. Manakala MKM sebagai institusi latihan dan pendidikan koperasi akan terus peka dalam menganjurkan program-program yang sesuai dengan persekitaran bagi membantu gerakan koperasi dengan ilmu-ilmu yang berguna supaya kelestarian gerakan koperasi dapat dikekalkan.



Sesi soal jawab bersama peserta



Sekitar pendaftaran Bicara Profesional "Usahawan Penternakan: Peluang Perniagaan Koperasi"

Bicara Profesional

KENAPA PERLU GST DAN PELAKSANAANNYA

Maktab Koperasi Malaysia Cawangan Sarawak (MKMCS) telah mengadakan program Bicara Profesional yang bertemakan 'Kenapa Perlu GST dan Pelaksanaannya' pada 30 Oktober 2014 bertempat di Hotel Promenade Bintulu, Sarawak. Antara objektif pelaksanaan program ini adalah untuk memberi pendedahan mengenai perancangan pelaksanaan GST oleh pihak kerajaan. Selain itu, program ini juga akan menerangkan tentang kesan pelaksanaan GST dan memberi kesedaran kepentingan pelaksanaan GST.

Seramai 280 orang peserta telah menghadiri program ini. Peserta yang hadir terdiri daripada Anggota Lembaga Koperasi, JAD, Pengurus Koperasi, Pegawai Jabatan Kerajaan yang menyelia koperasi, kakitangan awam dan swasta dan juga anggota koperasi di sekitar bahagian Bintulu. Sebanyak empat kertas pembentangan

telah dikongsi dalam program kali ini. Pn. Azizah Saad, Penguasa Kastam dari Jabatan Kastam Diraja Malaysia Sarawak telah membentangkan kertas kerja bertajuk Pengenalan dan Konsep GST. Setelah itu, beliau turut membentangkan kertas kerja bertajuk GST Kepada Pengguna. Seterusnya, Pn. Noraniza Abd Wahab, Penguasa Kastam dari Jabatan Kastam Diraja Malaysia Sarawak telah membentangkan dua buah kertas kerja lagi yang bertajuk Persediaan Perniagaan Untuk Tempoh Peralihan dan Perakaunan Untuk Percukaian.

Sesi soal jawab juga turut diadakan setelah selesai setiap sesi pembentangan untuk memberi peluang kepada peserta memberi maklum balas dan juga pandangan. Sesi ini telah dipengerusikan oleh En. Frank Me-ol Abdullah, pegawai latihan MKMCS.

Majlis Perasmian Program ini telah disempurnakan oleh En. Ngadi bin

Oleh: Mohamad Suandi Mortadza
MKM Cawangan Sarawak

Robin, Pengarah MKM Cawangan Sarawak ketika itu. Antara lain intipati ucapan beliau menekankan bahawa GST merupakan satu kaedah memungut cukai yang lebih baik daripada yang lain. Beliau juga menambah bahawa asas utama GST adalah ciri kawalan sendiri yang membolehkan perniagaan menuntut kredit cukai input secara automatik dalam sistem perakaunan masing-masing. Turut hadir ketika majlis perasmian ialah En. Robin Emerson Empurai, Penolong Penguatkuasa KPDNKK Bintulu, En. Zaziri bin Hj. Bohari (Penolong Pengarah SKM Bintulu), En. Raja Zahari Raja Yusof (ANGKASA) dan En. Abd Aziz bin Rosli dari Bank Rakyat Cawangan Bintulu.

Secara holistiknya, program ini telah dilaksanakan dengan jayanya dan segala maklumat dan pengetahuan yang disampaikan membantu ke arah kemajuan kepada gerakan koperasi di seluruh negeri Sarawak.



En. Ngadi Robin (tiga dari kiri) bersama tetamu jemputan yang hadir



Dari kiri : En. Frank Me-ol (Pensyarah MKM) dan Pn. Azizah Saad (penceramah dari Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Sarawak)



Sesi soal jawab bersama koperator



Pengurusan Perniagaan

HOMESTAY OLEH KOPERASI

Oleh: Azmaliza Ariffin
Mohamad Haniff Hashim
Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi

Pada 13 hingga 15 Oktober 2014 telah berlangsung kursus IR(L) BK511 Pengurusan Perniagaan Homestay bertempat di Homestay Sg. Hj. Dorani, Sungai Besar, Selangor selama 3 hari 2 malam. Objektif kursus ini adalah untuk memberi pendedahan berkaitan potensi dan cabaran perniagaan homestay serta memberi kefahaman terhadap keperluan aspek kemahiran dalam pengurusan perniagaan homestay. Kursus ini dihadiri seramai 36 peserta yang terdiri daripada koperator di sekitar Selangor, Kuala Lumpur, Perak, Negeri Sembilan, Melaka, Kelantan, Kedah dan Pulau Pinang. Seramai dua orang penceramah telah dijemput bagi kursus ini iaitu Pn. Rashidah Yahya dan En. Ahmad Zainol Mohd Astam dari Institut Kemajuan Desa (INFRA), Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW). Secara amnya, kursus ini telah memberi peluang kepada peserta untuk melihat sendiri aktiviti-aktiviti pelancongan, gaya hidup masyarakat

setempat, kebudayaan, operasi perniagaan homestay, perkongsian pengalaman bersama pengusaha homestay dan berpeluang menginap sendiri di homestay. Pengalaman dan

ilmu yang diperoleh secara praktikal daripada kursus ini diharapkan dapat dipraktikkan di koperasi dan peserta juga memperoleh gambaran awal dalam melaksanakan perniagaan homestay.



Aktiviti-aktiviti peserta kursus di Homestay Sg. Hj. Dorani (menangkap ikan, mencanting batik, menumbuk padi dan pertunjukan kebudayaan kuda kepang).

KURSUS PENGURUSAN PERNIAGAAN PENGELUARAN CENDAWAN

© Oleh : Muhammad Yusof Ibrahim
Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi

Kursus Pengurusan Perniagaan Pengeluaran Cendawan telah diadakan di MKM Petaling Jaya pada 18 - 21 Ogos 2014, iaitu selama 4 hari. Kursus ini dijalankan dengan kerjasama Jabatan Pertanian Selangor dan seorang pengusaha tanaman cendawan, En. Zulkifli Ariff dari Mofamag Resources, Puchong, Selangor.

Objektif utama kursus ini adalah untuk memberi kefahaman kepada peserta

kursus berkaitan potensi industri perniagaan tanaman cendawan. Di samping itu, mereka juga diharapkan mendapat pendedahan pengetahuan asas teknik, sistem penanaman cendawan, kaedah penjagaan serta aspek pengurusan perniagaan cendawan yang baik.

Seramai 23 orang peserta telah menghadiri kursus ini. Mereka telah diberi pendedahan tentang kaedah

pengeluaran tanaman cendawan secara teori. Peserta juga diberi peluang untuk menghadiri sesi lawatan ke Mofamag Resources, Kg. Sri Aman, Puchong untuk melihat sendiri perusahaan tanaman cendawan dan mendengar taklimat lanjut daripada pengusaha tersebut. Peserta turut mempelajari kaedah membuat **Rancangan Perniagaan Tanaman Cendawan** selepas pulang daripada lawatan.



Sesi praktikal tanaman cendawan kepada peserta kursus

KEMUDAHAN RFID DI PERPUSTAKAAN MKM

Pembangunan teknologi yang berkembang pesat banyak memberi manfaat kepada sesebuah organisasi yang menawarkan perkhidmatan seperti perpustakaan. Teknologi yang berkembang boleh diaplikasi menjadi komponen terpenting dalam mod panyampaian. Komponen yang dimaksudkan ialah sistem **Radio Frequency Identification** (RFID) dan **electronik book** (e-book). Pada hari ini, kebanyakan perpustakaan yang ada di Malaysia banyak menyediakan kemudahan seperti ini bertujuan untuk meningkatkan lagi perkhidmatan, meluaskan akses, fungsi dan keberkesannya.

Radio Frequency Identification (RFID)

Radio Frequency Identification (RFID) merupakan satu sistem pentaksiran yang berdasarkan pada prinsip kerja gelombang elektromagnetik. Ianya sebuah sistem identifikasi melalui frekuensi radio yang melibatkan beberapa komponen utama seperti RFID tag, Chip dan Tag-antena yang biasa disebut inlay. Maklumat yang disimpan dalam chip dibaca melalui gelombang elektromagnetik setelah tag-antena menerima pancaran gelombang elektromagnetik dari reader antenna. RFID reader berperanan memberi informasi kepada application server.

Signifikan RFID di Perpustakaan MKM

Dalam usaha penambahbaikan kepada sistem sedia ada, keperluan RFID di Perpustakaan MKM adalah perlu jika dilihat dengan peranan dan fungsi MKM itu sendiri. Perpustakaan MKM bukan sahaja menyediakan perkhidmatan kepada warga kerjanya, malah turut menjadi rujukan, dan sumber maklumat kepada pelajar program jangka panjang MKM dan anggota koperasi yang datang berkursus di MKM. Adanya sistem RFID ini, ianya akan memudahkan kaedah pemulangan buku. Jika sebelum ini pemulangan buku hanya dibuat di kaunter perkhidmatan perpustakaan, namun dengan adanya sistem ini, pemulangan buku boleh dilakukan melalui BookDrop. BookDrop merupakan sebuah mesin pemulangan buku secara layan diri yang beroperasi 24 jam sehari dan 7 hari seminggu.

Sistem RFID juga menjadi pilihan kerana memudahkan pencarian lokasi bahan seperti majalah, buku, tesis, kertas kerja dan banyak lagi. Penggunaan aplikasi ini secara interaktif membolehkan pengguna berhubung terus dengan sistem pengaturcaraan komputer. Pengaturcaraan komputer ini melibatkan komunikasi dua hala antara pengguna dan komputer. Segala maklumat berkaitan lokasi bahan akan diperolehi dengan lebih mudah dan cepat. Selain itu, sistem ini membantu pegawai perpustakaan mengawal pergerakan bahan di dalam perpustakaan. Sebagai contoh, sistem ini akan memberitahu lokasi sebenar kedudukan bahan sekiranya bahan tersebut berada di kedudukan yang salah.



Proses pemulangan buku menggunakan bookdrop



Proses RFID

Penggunaan sistem RFID di perpustakaan juga sebagai langkah keselamatan dengan adanya pintu keselamatan yang mampu mengesan buku-buku atau bahan-bahan yang sudah dipinjam atau belum dipinjam. Sebagai contoh, pintu keselamatan akan berbunyi jika buku tersebut dibawa keluar tanpa dipinjam. Selain itu, ketika seseorang pengguna mengembalikan bahan, security bit yang ada pada RFID tag buku akan dipadamkan dan rekod tersebut akan dikemaskini secara automatik dalam Integrated Library System (ILS).



E-Book



E-book merupakan singkatan bagi *electronic book* yang dikenali sebagai buku digital atau media digital. Format e-book biasanya didapati dalam bentuk file pdf, word, html, text dan sebagainya. Penggunaan e-book adalah relevan selaras dengan pembangunan teknologi hari ini. Disebabkan teknologi yang semakin maju, perkongsian maklumat akan menjadi lebih cepat dan perlu memenuhi kehendak pengguna masa kini. Oleh sebab itu, penggunaan e-book di perpustakaan amatlah perlu sebagai wadah yang memberi informasi kepada pengguna.

Di perpustakaan MKM, e-book merupakan salah satu komponen yang penting kerana memudahkan pengguna untuk membuat pencarian sesuatu bahan atau koleksi yang dikehendaki dengan hanya menggunakan kata kunci.

Perpustakaan MKM juga menyediakan perkhidmatan e-book iaitu dengan melanggan eBrary iaitu pangkalan data buku secara *online*. eBrary mengandungi beribu-ribu tajuk buku ilmiah yang menjadi rujukan pengguna. Ianya mudah dimuat turun dalam gajet terkini seperti *note book*, *ipad*, *e-book reader* dan lain-lain lagi. eBrary akan sentiasa dikemas kini bagi memenuhi kesesuaian dan kehendak pelanggan. Cara mengakses eBrary ialah pengguna perlu memasukkan pengenalan diri (ID) untuk memulakan pencarian bahan.

Faedah yang diperoleh apabila menggunakan e-book ialah ia boleh diakses melalui internet pada bila-bila masa sahaja selama 24 jam sehari dan 7 hari seminggu tanpa mengira di mana pengguna berada. Pengguna

juga boleh mengakses sesuatu bahan yang sama pada waktu yang sama. Kos untuk e-book juga lebih efektif jika dibandingkan dengan buku. E-book juga lebih menjimatkan ruang dan amat sesuai untuk perpustakaan yang bersaiz kecil serta lebih senang diselenggara. Ini akan menjimatkan masa kerana e-book tidak perlu disusun. Kehilangan serta kerosakan sesuatu bahan dapat dielakkan dengan penggunaan e-book.

Signifikasi penggunaan e-book kepada pengguna perpustakaan terutamanya Perpustakaan MKM ialah e-book lebih murah dan jimat. Selain itu, e-book lebih mudah diakses dan disimpan di mana-mana jika dibandingkan dengan buku biasa. E-book juga boleh dimuat turun secara percuma atau dilanggan secara dalam talian.

Karnival Usahawan Siswa 'Usahawan Muda Pemangkin Ekonomi Negara'



Jemputan dari Rumah Anak Yatim Rumah Bakti Nur Syaheera juga turut memeriahkan Karnival Usahawan Siswa

Oleh : Nur Salsabila Othman
Pelajar, Pusat Pendidikan Tinggi

Pada 24 September 2014 lalu, Kelab Bimbingan, Kaunseling & Kerjaya dengan kerjasama Kelab Seni dan Budaya (KSB) dan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) di bawah Pusat Pendidikan Tinggi Maktab Koperasi Malaysia telah mengadakan satu Karnival Usahawan Siswa 'Usahawan Muda Pemangkin Ekonomi Negara'. Karnival yang berlangsung di MKM Jalan Templer ini melibatkan semua pelajar program jangka panjang Maktab Koperasi Malaysia.

Antara objektif utama karnival ini diadakan adalah bagi memberi pendedahan kepada para pelajar dengan aktiviti perniagaan dan keusahawanan. Selain itu juga, ia memberi peluang kepada para pelajar menambah pendapatan mereka melalui kreativiti jualan masing-masing.

Karnival ini ternyata telah menjadi sebuah platform yang berkesan dalam melahirkan mahasiswa yang bijak melibatkan diri dalam bidang perniagaan dan keusahawanan. Karnival ini merupakan karnival usahawan siswa kali ke-2 sebagai kesinambungan dari kejayaan karnival seumpamanya yang diadakan pada tahun 2013. Sebanyak 11 gerai yang terlibat dan semuanya terdiri daripada kedai jualan para pelajar sendiri.

Karnival ini dimulakan pada 8.30 pagi dengan para pelajar berkumpul di Auditorium Dato' A. Majid. Majlis dimulakan dengan penyampaian kata-kata aluan oleh saudara Muhammad Syafiq bin Mohd Noor, ketua projek di bawah Kelab Bimbingan, Kerjaya dan Kaunseling. Seterusnya perasmian telah disempurnakan oleh Pn. Norwatim

binti Hj. Abd Latif, Timbalan Ketua Pengarah (Akademik) MKM. Dalam ucapan beliau mengharapkan agar para pelajar menggunakan peluang sehabis baik dengan adanya program seperti ini. Peluang ini sukar untuk diperoleh di institusi pendidikan yang lain. Ia dapat mendedahkan mereka dengan dunia keusahawanan dan akan melatih para pelajar untuk berusaha mencapai keuntungan khususnya dalam jualan mereka. Karnival ini melatih para pelajar kemahiran berpasukan, kemahiran kepimpinan, kemahiran berkomunikasi dan sebagainya.

Tepat jam 10 pagi, aktiviti gerai jualan dan pameran dimulakan dengan pelbagai jualan antaranya seperti barangan kosmetik, makanan dan minuman, barangan kesihatan dan sebagainya. Karnival ini mendapat

sambutan yang sangat menggalakkan bukan hanya daripada pelajar sendiri, tetapi juga dari para pensyarah, warga kerja Maktab Koperasi Malaysia dan juga pengunjung luar.

Di samping aktiviti jualan, satu taklimat insurans pelajar juga telah diadakan yang melibatkan pelajar Diploma Pengurusan Koperasi Semester 2. Taklimat ini diberikan oleh wakil daripada Etiqa Maybank yang mendedahkan kepentingan mengambil perlindungan takaful untuk menjamin

masa depan mereka. Selain itu juga, pada sebelah petang, pertandingan debat ala Parlimen telah diadakan yang disertai oleh pelajar DPK Semester 3, 5 dan pelajar BBA MKM-UUM Semester 6. Pertandingan yang mempunyai 4 pusingan tersebut telah dimenangi oleh DPK semester 5, seterusnya tempat kedua dimenangi oleh BBA MKM-UUM Semester 6 dan tempat ketiga dimenangi oleh DPK Semester 3. Antara tajuk yang diperdebatkan ialah 'Mahasiswa Kita Boros' dan 'Koperasi Penjana Ekonomi Negara'. Ini bagi

menerapkan kemahiran berfikir secara kritis kepada para pendebat.

Karnival Usahawan Siswa ini juga telah dimeriahkan dengan aktiviti berselawat dan berqasidah bersama Anak-Anak Yatim Rumah Bakti Nur Syaheera serta kumpulan Fisabilillah yang diwakili oleh pelajar MKM pada sebelah malam. Tn. Hj. Ramlan Kamsin, Pengarah Pusat Pendidikan Tinggi juga telah menyampaikan hadiah kepada para pelajar yang berjaya dalam aktiviti yang dijalankan. Antaranya penyampaian hadiah gerai terbaik, yang dimenangi oleh gerai 'Love 5B Corner', tempat kedua dimenangi oleh gerai 'Four Square' dan tempat ketiga dimenangi oleh gerai 'Food Express'.

Secara keseluruhannya, Karnival Usahawan Siswa ini diharapkan dapat memupuk semangat berkoperasi antara pelajar serta menanamkan sikap keusahawan dalam diri mereka. Ia juga harap dapat dipraktikkan apabila melangkah ke alam pekerjaan kelak. Selain itu, karnival ini dapat memberikan impak yang positif kepada semua pihak seperti mengeratkan silaturrahim antara pelajar, pensyarah dan warga kerja MKM. Semoga ilmu asas keusahawanan akan dijadikan ilmu berpanjangan kepada pelajar dan meningkatkan kesedaran betapa pentingnya keusahawanan agar dapat meningkatkan taraf ekonomi di masa hadapan.



Pertandingan Debat Ala Parlimen yang dimenangi oleh pelajar DPK Semester 5



Antara gerai jualan yang dibuka

Majlis Penyampaian Anugerah Dekan



Oleh : Siti Naqiah Aarif & Adilah Asri,
Pelajar, Pusat Pendidikan Tinggi

Pada 1 Oktober 2014, satu Majlis Perjumpaan Pelajar Bersama Ketua Pengarah telah diadakan di Auditorium Dato' A. Majid, MKM. Majlis ini diadakan bagi memberi peluang para pelajar untuk bertemu dan beramah mesra dengan Ketua Pengarah. Majlis perjumpaan ini juga disertai dengan Majlis Anugerah Dekan bagi meraikan kejayaan pelajar-pelajar program Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Pengurusan Koperasi), Diploma Pengurusan Koperasi (DPK) dan juga program Sijil Pengurusan Koperasi (e-SPK).

Majlis dimeriahkan dengan kehadiran YBhg. Prof. Dr. Abdul Rahman Abdul Razak Shaik, Ketua Pengarah MKM, Pn. Hjh. Julia Bee Ramjan, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) MKM, Tn. Hj. Ramlan Bin Kamsin, Pengarah Pusat Pendidikan Tinggi, para pensyarah, warga kerja MKM serta para pelajar program jangka panjang MKM.

Majlis dimulakan dengan penyampaian amanat oleh Ketua Pengarah MKM. Beliau berharap agar para pelajar sentiasa meningkatkan kemampuan diri kerana mereka adalah modal insan yang

paling utama. Ini bagi membolehkan para pelajar meningkatkan tahap kompeten dalam diri dan dapat mencapai standard kualiti untuk memasuki pasaran pekerjaan satu hari nanti. Beliau juga berharap agar para pelajar menjadikan diri mereka sebagai peneroka ilmu bukan sebagai pengikut semata-mata.

Majlis juga diteruskan dengan penyampaian sijil anugerah dekan. Dalam majlis kali ini, seramai 78 orang pelajar layak untuk dianugerahkan Anugerah Dekan iaitu 67 pelajar

program DPK, enam pelajar program BBA dan lima pelajar dari program e-SPK. Para pelajar yang layak menerima Anugerah Dekan ialah pelajar yang menerima PNG melebihi 3.5 dan ke atas.

Penyampaian sijil Anugerah Dekan kepada pelajar cemerlang ini adalah sebagai penghargaan kepada para pelajar atas usaha yang telah dicapai dalam peperiksaan akhir semester. Selain itu juga, adalah untuk memberi semangat kepada para pelajar untuk terus berusaha pada masa hadapan serta menjadi contoh kepada pelajar lain untuk memperoleh keputusan

Dalam majlis kali ini, seramai 78 orang pelajar layak untuk dianugerahkan anugerah dekan iaitu 67 pelajar program DPK, 6 pelajar program BBA dan 5 pelajar dari program e-SPK. Para pelajar yang layak menerima anugerah dekan ialah pelajar yang menerima PNG melebihi 3.5 dan ke atas.

cemerlang. Keputusan cemerlang ini juga adalah bagi membalas jasa ibu bapa dan para pensyarah.

Secara keseluruhannya, Majlis Perjumpaan Pelajar Bersama Ketua Pengarah dan Penyampaian Anugerah Dekan ini diharap dapat dijadikan sebagai satu wadah untuk para pelajar menghargai sesi pembelajaran mereka sepanjang berada di MKM. Amanat yang disampaikan oleh Ketua Pengarah diharap dapat dijadikan sebagai satu pedoman dan panduan agar para pelajar sentiasa menjadi lebih baik pada masa akan datang.

PROGRAM MINGGU ORIENTASI

PELAJAR DIPLOMA PENGURUSAN KOPERASI (DPK) SESI JUN 2014

Oleh : Farid Kamari
Pelajar, Pusat Pendidikan Tinggi

Pada 23 Jun 2014, Pusat Pendidikan Tinggi MKM telah mengadakan satu pendaftaran bagi pelajar baru bagi sesi 2014/2015, bermula jam 8.30 di bilik Kuliah Bunga Raya, MKM. Pengambilan pelajar baru bagi sesi Jun 2014 telah melibatkan seramai 126 orang yang terdiri daripada 42 orang pelajar lelaki dan 84 orang pelajar perempuan.

Setelah selesai pendaftaran, satu Majlis Perasmian Minggu Orientasi DPK 2014 telah diadakan yang disempurnakan oleh YBhg. Prof. Madya Dr. Abdul Rahman Bin Abdul Razak Shaik, Ketua Pengarah MKM. Ketua Pengarah MKM amat berharap agar para pelajar menggunakan sepenuhnya peluang yang telah diberikan apabila memasuki MKM. Ini kerana MKM adalah satu-satunya institusi pendidikan yang berkaitan dengan koperasi sepenuhnya. Hal ini akan menjadikan para pelajar insan yang terpilih dan pelajar akan mendapat peluang yang besar terutamanya apabila melangkah ke bidang pekerjaan kelak. Tambahan pula, MKM mempunyai standard kualiti yang dikehendaki dan berjaya melahirkan graduan-graduan yang berjaya memasuki pasaran pekerjaan dengan jayanya.

Selain itu, program orientasi yang diadakan selama 5 hari ini turut diselitkan dengan pelbagai sesi penerangan dan aktiviti yang berkait

rapat dengan proses pengajaran dan pembelajaran seperti taklimat program minggu orientasi yang disampaikan oleh Tn Hj Ramlan Bin Kamsin, Pengarah Pusat Pendidikan Tinggi MKM, taklimat i-MKM, taklimat disiplin, taklimat Program Diploma Pengurusan Koperasi dan sebagainya. Pusat Pendidikan Tinggi juga telah menjemput penceramah luar iaitu dari CSQ Training & Consultancy bagi program berkaitan peningkatan motivasi diri dan ceramah agama.

Pada hari ketiga Minggu Orientasi pelajar DPK 2014, para pelajar telah dibawa ke Kem Nur Lembah Pangsun di Hulu Langat, Selangor. Perjalanan yang mengambil masa lebih kurang 1 jam 30 minit itu dilakukan bagi mendedahkan mereka dengan pengalaman berada



Aktiviti flying fox

di luar kampus. Semasa berada di kem Lembah Pangsun, para pelajar dibahagikan kepada beberapa kumpulan bagi memudahkan aktiviti-aktiviti seperti Latihan Dalam Kumpulan (LDK) diadakan. Pelbagai aktiviti telah dilakukan oleh pelajar seperti aktiviti 'Jual Beli', 'semangat bekerjasama', 'Check List Solat' dan sebagainya. Aktiviti-aktiviti ini bertujuan untuk memupuk semangat kerjasama sesama pelajar dan dapat mendedahkan pelajar



Turut hadir Pegawai Latihan MKM (Barisan hadapan)



Taklimat disampaikan oleh Penyelaras DPK, Pn. Nur Syazwani Zainal Abidin



Aktiviti jungle trekking

dengan kaedah berkesan pembelajaran di MKM.

Pelajar baru juga diberi peluang dalam aktiviti 'Jungle Trekking' iaitu mendaki Gunung Nuang, gunung tertinggi di Negeri Selangor. Aktiviti 'Jungle Trekking' ini telah diiringi oleh anggota bomba yang ditugaskan untuk memantau para pelajar. Para pelajar juga telah diberi taklimat tentang langkah-langkah keselamatan sepanjang berada di dalam hutan. Para pelajar telah didedahkan dengan keindahan alam sekitar dan diterapkan dengan nilai-nilai persekitaran yang perlu dijaga dan dikekalkan. Selain daripada itu, para pelajar juga telah diberi peluang untuk menyertai aktiviti-aktiviti lasak seperti menyeberangi jambatan gantung dan 'flying fox'. Ini bagi memupuk semangat berani yang perlu ada dalam diri setiap pelajar. Mereka juga diterapkan nilai menguasai ketakutan diri dan memupuk semangat berusaha untuk sampai ke penghujung.

Pada hari kelima minggu orientasi, para pelajar diberi masa untuk berlatih bagi majlis penutupan kelak.

Minggu orientasi ini diharap dapat mendedahkan para pelajar dengan dunia pembelajaran di institusi pendidikan khususnya dan Maktab Koperasi Malaysia amnya

Setiap kumpulan diwajibkan membuat persembahan mengikut kreativiti masing-masing. Semangat berpasukan dapat dilihat dalam diri pelajar apabila mereka dapat memberikan persembahan yang baik walaupun dalam kesuntukan masa. Setelah tiga hari bermalam di Kem Lembah Pangsung, para pelajar dibawa pulang ke MKM bagi majlis penutupan. Tepat jam 4 petang, Majlis Perasmian Penutupan Minggu Orientasi Pelajar

DPK sesi Jun 2014 telah disempurnakan oleh Tn. Hj Ramlan Bin Kamsin, Pengarah Pusat Pendidikan Tinggi MKM. Dalam ucapan, beliau menasihati para pelajar untuk memanfaatkan peluang sebaik mungkin sepanjang menjadi pelajar MKM.

Secara kesimpulannya, minggu orientasi ini diharap dapat mendedahkan para pelajar dengan dunia pembelajaran di institusi pendidikan khususnya dan MKM amnya. Para pelajar diharap dapat memanfaatkan pendedahan awal yang diberikan oleh Pusat Pendidikan Tinggi dalam menyampaikan maklumat-maklumat penting kepada para pelajar baru. Diharap para pelajar baru dapat menjadi seorang pelajar yang cemerlang sehingga mereka menamatkan pembelajaran Diploma Pengurusan Koperasi dan seterusnya mengharumkan nama baik MKM.



Aktiviti latihan dalam kumpulan (LDK)



Program Khidmat Masyarakat IBADAH QURBAN

Oleh : Nurul Ashikin Muhamad
Aida Husnina Azahar
Pelajar, Pusat Pendidikan Tinggi

Ibadah korban adalah salah satu ibadah yang sangat dituntut oleh agama Islam bagi mengenang dan mencontohi sunnah melalui pengorbanan Nabi Ibrahim AS yang mendapat perintah untuk menyembelih anaknya yang dikasihi, iaitu Nabi Ismail AS. Ibadah yang dilakukan setahun sekali ini dapat dilakukan bagi menunjukkan rasa kesyukuran dengan limpahan rezeki yang boleh dikongsi bersama golongan yang memerlukan. Inisiatif daripada itu, satu majlis ibadah qurban telah diadakan anjuran Badan Kebajikan Kakitangan MKM (BAKIM) pada 8 Oktober 2014 yang bertempat di MKM Jalan Templer. Program Ibadah Qurban ini turut disertai dengan aktiviti khidmat masyarakat pelajar semester 2 Diploma Pengurusan Koperasi (DPK). Program khidmat masyarakat ini diketuai oleh saudara Muhamad Nur Fadhli Bin Amaluddin, ketua program



Gotong-royong memotong dan membersihkan daging korban untuk dimasak



dan disertai oleh 126 orang pelajar DPK Semester 2. Program ini bertujuan untuk memupuk semangat kerjasama antara pelajar-pelajar DPK di samping mengeratkan silaturrahim pelajar dengan warga kerja MKM. Para pelajar juga boleh mempelajari pelaksanaan ibadah sunnah secara lebih praktikal. Program ini dimulakan dengan pelajar dibahagikan kepada 11 kumpulan bagi

memudahkan kelangsungan program. Antara kumpulan yang dibentuk adalah kumpulan menyediakan sarapan pagi, memotong daging korban, menyediakan bahan-bahan masakan dan juga kumpulan untuk memasak sup tulang dan juga gulai kawah.



YOUNG ENTREPRENEUR TRIP TO HANOI

Oleh: Norfatehah Azlin Hj Mohamad Ashi
Nur Fatin Atika Yahya
Pelajar, Pusat Pendidikan Tinggi

Pada 18 November 2014, para pelajar Semester Enam Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan Bidang Tumpuan Pengurusan Koperasi MKM-UUM bersama Koperasi Pelajar Maktab Koperasi Malaysia Berhad dengan kerjasama National Economic-Technical College (NETC) telah mengadakan program "Young Entrepreneur Trip To Hanoi". Program ini berjalan selama 4 hari 3 malam iaitu sehingga 21 November 2014 bertempat di Hanoi, Vietnam. Ia melibatkan seramai 34 orang pelajar Semester 6 beserta dengan dua orang pensyarah Maktab Koperasi Malaysia (MKM) iaitu En. Ahmad Faizal Ahmad Shaarani dan Pn. Wan Rasyidah Wan Musa selaku pegawai pengiring. Program ini juga turut dibantu oleh Ms. Nguyen Thi Mai iaitu penyelarar J.W.G di Vietnam (Head of Science, Technology & International Cooperation, NETC) sebelum dan semasa program ini berlangsung.

Tujuan utama program ini diadakan adalah untuk mempelajari pengurusan tadbir urus yang diamalkan dalam sektor koperasi di Vietnam. Di samping itu, para pelajar juga boleh mempelajari sistem francais yang dilaksanakan di Vietnam dan mengetahui bagaimana koperasi menjadi penghubung dan penjana pendapatan dalam komuniti di Vietnam. Tambahan lagi, program ini memberi pendedahan kepada para pelajar terhadap perbezaan sektor keusahawanan dan koperasi di Malaysia dan Vietnam serta secara tidak langsung memperkembangkan bahasa untuk berkomunikasi, berinteraksi dan bersosialisasi dengan masyarakat setempat dan mengenali keunikan budaya masyarakat di Vietnam.

Program ini berjaya dilaksanakan dengan mendapat sumbangan dan kerjasama daripada pelbagai pihak antaranya Bank Rakyat, Koperasi

Pelajar Maktab Kerjasama Berhad, Maktab Koperasi Malaysia, Ketua Pengarah MKM Prof. Madya Dr. Abdul Rahman bin Abdul Razak Shaik, Kopsya, Bank Persatuan, Koperasi Tunas Muda Sg. Ara, Pejabat Khidmat Masyarakat UMNO DUN Kijal, Koperasi Serbaguna Iman, Anugerah Kraf Batik Alaf Baru, Koperasi Polis Pulau Pinang, Mohd Janis Sdn. Bhd, YB Dato' Zahir Khalid (ADUN Kamunting), Dato' Seri Zamry, Pertubuhan Peladang Kawasan Ledang, Koperasi Pos Malaysia Berhad, Pas Kawasan Kemaman, Hamba Allah, Koperasi Yayasan Guru Malaysia, Syarikat Perniagaan Perintis, Azudin Enterprise, Koperasi SMK Simpang Renggam, Pn. Asmieza Bt Arjan, KMP Technology, Pian Sales & Delivery, Padang Makmoor Enterprise, Mee Kuning Asmieda, Goh PC House & Sale, Hou Kee Treading dan Bani Buah.

Para pelajar telah dibawa ke NETC, Hanoi, Vietnam sebagai aktiviti pertama



Pelajar BBA Semester 6 bersama dengan Pelajar NTEC menjayakan program Fire Camp sempena "Teacher's Day"



Pelajar BBA, pegawai latihan MKM dan Pegawai Angkasa melawat koperasi HTX Nong Nghiep Xa Dan Phuong (Agricultural Coop)

program tersebut, dan para pelajar telah diberi penerangan oleh Timbalan Presiden Mr Hong Van Ly mengenai latar belakang penubuhan NETC serta kursus-kursus yang ditawarkan di NETC. Setelah selesai sesi taklimat, para pelajar telah dipecahkan kepada 10 kumpulan dan digabungkan bersama para pelajar NETC bagi menjayakan sambutan Hari Guru yang diadakan di NETC bertemakan "Fire Camp". Para pelajar turut mempersembahkan tarian zapin sebagai salah satu cara memperkenalkan budaya yang terdapat di Malaysia pada program tersebut dan telah mendapat sambutan yang sangat memuaskan daripada warga NETC.

Seterusnya pada hari kedua, para pelajar dibawa melawat koperasi HTX Nong Nghiep Xa Dan Phuong (Agricultural Coop) yang terletak 20km dari Hanoi. Para pelajar diberi penerangan berkenaan dengan latar belakang, carta organisasi dan aktiviti yang dijalankan oleh Presiden koperasi, Ahli Lembaga serta pihak pengurusan. Kemudian, para pelajar serta pegawai latihan berpeluang melawat kawasan penanaman bunga lili yang berkeluasan

10 hektar. Selain penanaman bunga lili, koperasi juga mengusahakan penanaman buah betik, buah limau bali, jagung dan juga penanaman padi untuk pasaran Vietnam.

Pada hari ketiga, para pelajar dibawa melawat koperasi pembuatan colok atau Phu Hai Cooperative (scent burning production) di Quang Ninh yang berdekatan dengan Ha Long Bay. Koperasi ini terletak 180 km dari Hanoi. Di koperasi ini, pelajar dapat melihat sendiri proses colok dihasilkan daripada langkah awal hinggalah di peringkat pembungkusan colok. Colok ini dihasilkan untuk dieksport ke India dan menjadi sumber pendapatan bagi masyarakat setempat yang bekerja dengan koperasi ini.

Tuntasnya, program ini memberi impak yang positif kepada para pelajar Semester 6 kerana banyak ilmu koperasi dan budaya yang dipelajari sepanjang berada di Vietnam. Pelajar boleh mengenal pasti dan mempraktikkan strategi yang digunakan oleh gerakan koperasi di Vietnam bagi menambah baik nilai koperasi di Malaysia.



Salah satu tempat tanaman lily



Para pelajar BBA MKM-UUM membuat persembahan Tarian Zapin sempena Hari Guru di NETC



Pekerja koperasi Phu Hai Cooperative (scent burning production) yang sedang melakukan proses-proses menghasilkan colok.

JADUAL PROGRAM LATIHAN SEPANJANG BULAN MEI 2015

MEI		
1.	IB(D) W31 - Pengurusan Strategik (Wajib 3)	05 – 06/05/2015 (2 hari)
2.	IA(D) W21 - Pengurusan Kewangan Koperasi (Wajib 2)	05 – 06/05/2015 (2 hari)
3.	QA(L) W21 - Pengurusan Kewangan Koperasi (Wajib 2)	05 – 06/05/2015 (2 hari)
4.	CA(L) WJ1 - Tatacara Pengauditan dan Perakaunan Koperasi (Wajib JAD)	05 – 06/05/2015 (2 hari)
5.	CC(D) W11 - Pengurusan dan Pentadbiran Koperasi (Wajib 1)	05 – 06/05/2015 (2 hari)
6.	IC(D) W11 - Pengurusan dan Pentadbiran Koperasi (Wajib 1)	05 – 06/05/2015 (2 hari)
7.	QT(D) P123 - Penghasilan Video Korporat Menggunakan Movie Maker	05 – 07/05/2015 (3 hari)
8.	IR(L) P212 - Bengkel Penulisan Laporan Eksekutif	05 – 07/05/2015 (3 hari)
9.	IB(D) P211 - Pengurusan Organisasi (Petaling Jaya)	05 – 07/05/2015 (3 hari)
10.	InK(D) P111 - English Communication at Workplace	05 – 07/05/2015 (3 hari)
11.	IT(D) P121 - Aplikasi MS Excel (Petaling Jaya)	05 – 08/05/2015 (4 hari)
12.	IT(D) P234 - Bengkel e-Niaga (Petaling Jaya)	05 – 08/05/2015 (4 hari)
13.	IB(D) BK515 - Perniagaan Farmasi dan Produk Kesihatan	05 – 08/05/2015 (4 hari)
14.	JC(L) W11 - Pengurusan dan Pentadbiran Koperasi (Wajib 1)	05 – 06/05/2015 (2 hari) (Muar)
15.	JB(L) W31 - Pengurusan Strategik (Wajib 3)	06 – 07/05/2015 (2 hari) (Mersing)
16.	KA(L) W21 - Pengurusan Kewangan Koperasi (Wajib 2)	06 – 07/05/2015 (2 hari) (Perlis)
17.	KC(D) W11 - Pengurusan dan Pentadbiran Koperasi (Wajib 1)	06 – 07/05/2015 (2 hari)
18.	IC(L) W11 - Pengurusan dan Pentadbiran Koperasi (Wajib 1)	06 – 07/05/2015 (2 hari)
19.	SC(L) W11 - Pengurusan dan Pentadbiran Koperasi (Wajib 1)	06 – 07/05/2015 (2 hari)
20.	Bicara Profesional (Cawangan Sarawak)	08/05/2015 (1/2 hari)
21.	QC(D) W11 - Pengurusan dan Pentadbiran Koperasi (Wajib 1)	11 – 12/05/2015 (2 hari)
22.	SA(D) W21 - Pengurusan Kewangan Koperasi (Wajib 2)	11 – 12/05/2015 (2 hari)
23.	JC(D) W11 - Pengurusan dan Pentadbiran Koperasi (Wajib 1)	11 – 12/05/2015 (2 hari)
24.	IB(D) P222 - Rancangan Perniagaan Format SKM	11 – 13/05/2015 (3 hari)
25.	KT(D) P125 - Aplikasi Pangkalan Data Menggunakan Ms Access	11 – 13/05/2015 (3 hari)
26.	IA(D) BK214 - Pengurusan Perniagaan Restoran	11 – 14/05/2015 (4 hari)
27.	CA(L) BK214 - Pengurusan Perniagaan Restoran	11 – 15/05/2015 (5 hari)
28.	IA(L) WJ1 - Tatacara Pengauditan dan Perakaunan Koperasi (Wajib JAD)	12 – 13/05/2015 (2 hari)
29.	CC(L) W11 - Pengurusan dan Pentadbiran Koperasi (Wajib 1)	12 – 13/05/2015 (2 hari)
30.	IC(L) W11 - Pengurusan dan Pentadbiran Koperasi (Wajib 1)	12 – 13/05/2015 (2 hari)
31.	Seminar (Sabah)	13 – 14/05/2015 (2 hari)
32.	KC(L) W11 - Pengurusan dan Pentadbiran Koperasi (Wajib 1)	13 – 14/05/2015 (2 hari) (P. Pinang)
33.	JA(L) W21 - Pengurusan Kewangan Koperasi (Wajib 2)	13 – 14/05/2015 (2 hari) (Kota Tinggi)
34.	Bicara Profesional -Technology Update (Kampus Induk)	14/05/2015 (1/2 hari)
35.	IA(D) WJ1 - Tatacara Pengauditan dan Perakaunan Koperasi (Wajib JAD)	18 – 19/05/2015 (2 hari)
36.	SC(D) W11 - Pengurusan dan Pentadbiran Koperasi (Wajib 1)	18 – 19/05/2015 (2 hari)

MEI		
37.	KB(L) W31 - Pengurusan Strategik (Wajib 3)	18 – 19/05/2015 (2 hari) (Kedah)
38.	JC(L) W11 - Pengurusan dan Pentadbiran Koperasi (Wajib 1)	18 – 19/05/2015 (2 hari) (Melaka)
39.	IT(D) P321 - Bengkel Penyelenggaraan Komputer Peribadi (PC)	18 – 20/05/2015 (3 hari)
40.	IC(D) P111 - Panduan Pengurusan Mesyuarat Agung Koperasi	18 – 20/05/2015 (3 hari)
41.	KK(D) BK516 - Kursus Pengurusan Hotel Bajet/Motel	18 – 20/05/2015 (3 hari)
42.	QA(D) BK112 - Peluang Perniagaan Ar-Rahnu	18 – 20/05/2015 (3 hari)
43.	SR(L) BK511 - Pengurusan Pelancongan Inap Desa	18 – 22/05/2015 (5 hari)
44.	CC(L) W11 - Pengurusan dan Pentadbiran Koperasi (Wajib 1)	19 – 20/05/2015 (2 hari)
45.	SB(D) W31 - Pengurusan Strategik (Wajib 3)	20 – 21/05/2015 (2 hari)
46.	IA(D) P114 - Pengiraan Zakat dan Cukai Koperasi	20 – 21/05/2015 (2 hari)
47.	IC(L) BK111 - Kepimpinan Keusahawanan Mikro Kredit	20 – 21/05/2015 (2 hari)
48.	IB(L) W31 - Pengurusan Strategik (Wajib 3)	20 – 21/05/2015 (2 hari) (Gua Musang)
49.	JA(L) W21 - Pengurusan Kewangan Koperasi (Wajib 2)	20 – 21/05/2015 (2 hari) (Muar)
50.	JC(L) W11 - Pengurusan dan Pentadbiran Koperasi (Wajib 1)	20 – 21/05/2015 (2 hari) (Batu Pahat)
51.	KC(D) W11 - Pengurusan dan Pentadbiran Koperasi (Wajib 1)	20 – 21/05/2015 (2 hari)
52.	JA(L) W21 - Pengurusan Kewangan Koperasi (Wajib 2)	25 – 26/05/2015 (2 hari)
53.	CB(D) W31 - Pengurusan Strategik (Wajib 3)	25 – 26/05/2015 (2 hari)
54.	JB(D) W31 - Pengurusan Strategik (Wajib 3)	25 – 26/05/2015 (2 hari)
55.	IC(D) W11 - Pengurusan dan Pentadbiran Koperasi (Wajib 1)	25 – 26/05/2015 (2 hari)
56.	QT(D) P333 - Pengeditan Imej Kreatif: Adobe Photoshop (Lanjutan)	25 – 27/05/2015 (3 hari)
57.	IA(D) P121 - Perakaunan Berkomputer – UBS	25 – 28/05/2015 (4 hari)
58.	IA(L) W21 - Pengurusan Kewangan Koperasi (Wajib 2)	26 – 27/05/2015 (2 hari)
59.	IB(L) P321 - Rantai Bekalan Peruncitan	26 – 27/05/2015 (2 hari)
60.	CA(L) W21 - Pengurusan Kewangan Koperasi (Wajib 2)	26 – 27/05/2015 (2 hari)
61.	QB(L) W31 - Pengurusan Strategik (Wajib 3)	26 – 27/05/2015 (2 hari)
62.	QC(L) W11 - Pengurusan dan Pentadbiran Koperasi (Wajib 1)	26 – 27/05/2015 (2 hari)
63.	SC(L) W11 - Pengurusan dan Pentadbiran Koperasi (Wajib 1)	26 – 27/05/2015 (Labuan)
64.	QC(L) P111 - Panduan Pengurusan Mesyuarat Agung Koperasi	26 – 28/05/2015 (3 hari)
65.	IC(L) W11 - Pengurusan dan Pentadbiran Koperasi (Wajib 1)	27 – 28/05/2015 (2 hari)

Petunjuk:

Kursus-kursus dijalankan di Kampus Induk, Zon Utara (Kedah), Zon Timur (Pahang), Zon Selatan (Johor), Zon Sabah dan Zon Sarawak. Kampus Induk dan Cawangan-cawangan dikenali sebagai Pengendali. Senarai Kod Pengendali adalah seperti berikut:

I = Kampus Induk S = Cawangan Sabah Q = Cawangan Sarawak
J = Zon Selatan (Johor) C = Zon Timur (Pahang) K = Zon Utara (Kedah)

(Kod Pengendali berdasarkan abjad pendaftaran kenderaan mengikut negeri dan sentiasa berada di awalan kod kursus)

Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan borang permohonan kursus yang disediakan oleh MKM atau secara online di <http://www.mkm.edu.my/web/guest/mits> - Management Information Training System (MITS). Maklumat lanjut, sila hubungi:

Kampus Induk 03-7964 9000 • Cawangan Sabah 088-240812 • Cawangan Sarawak 082-230409
Zon Timur 09-250 6529 • Zon Selatan 07-226 2119 • Zon Utara 04-733 7527



**Kampus Induk,
Maktab Koperasi Malaysia,
103, Jalan Templer,
46700 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan
Tel: 03-7964 9000 Faks: 037957 0434/03-7954 3957/03-7957 9076
E-mel: mkm@mkm.edu.my
Laman web: <http://www.mkm.edu.my>**

**Pusat Pendidikan Tinggi
No.21, Jalan Selangor, Seksyen 6,
46050 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan
Tel: 03-7952 4500 Faks: 03-7955 0863
E-mel: icoop@mkm.edu.my**

**Maktab Koperasi Malaysia
Cawangan Sabah,
Tingkat 5, Menara MAA,
Lorong 6, Api-Api 1,
88000 Kota Kinabalu, Sabah
Tel: 088-240812 Faks: 088-241802
E-mel: mkmsabah@mkm.edu.my**

**Maktab Koperasi Malaysia
Cawangan Sarawak,
Bangunan Rugayah,
Jalan Song Thian Cheok,
Peti Surat B241,
93100 Kuching, Sarawak
Tel: 082-230409 Faks: 082-230405
E-mel: mkmsarawak@mkm.edu.my**

**Maktab Koperasi Malaysia
Zon Timur,
No. 13, Jalan Kerayong 4,
28200 Bera, Pahang Darul Makmur
Tel: 09-250 6529 Faks: 09-250 6530
E-mel: mkmctimur@mkm.edu.my**

**Maktab Koperasi Malaysia
Zon Selatan,
Tingkat 1, Bangunan Kerjasama, Jalan Dhoby,
80000 Johor Bahru, Johor Darul Takzim
Tel: 07-226 2119 Faks: 07-226 2125
E-mel: mkmcselatan@mkm.edu.my**

**Maktab Koperasi Malaysia
Zon Utara,
No. 1515, Wisma KGMKB, Jalan Tunku Ibrahim,
05000 Alor Setar
Kedah Darul Aman
Tel: 04-733 7527 Faks: 04-733 7532
E-mel: mkmcutara@mkm.edu.my**